



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

## PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*Senate*

PARLIMEN KETUJUH  
*Seventh Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

---

**Jilid II**                      **Bil. 11**                      **Hari Rabu**                      **13hb Julai, 1988**

---

### KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Soalan Tambahan bagi Jawab Mulut	(Ruangan 1)
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	
	(Ruangan 2)
USUL:	
Pemilihan Timbalan Yang di-Pertua:—	
Y.B. Dato' Tan Peng Khoon	(Ruangan 35)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan)	(Ruangan 35)
Rang Undang-undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan)	(Ruangan 78)
Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap)(Pindaan)	(Ruangan 82)
UCAPAN PENANGGUHAN:	
Peperiksaan Bahasa Malaysia Sijil Pelajaran Malaysia - Y.B. Tuan Chan Choong Tak	(Ruangan 107)



**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 13hb Julai, 1988**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

(Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**)

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

Soalan Tambahan bagi Jawab Mulut

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita memulakan pertanyaan bagi jawab mulut, terlebih dahulu saya memohon kerjasama dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya mengurangkan soalan-soalan tambahan untuk memberi peluang supaya banyak pertanyaan-pertanyaan dapat dikemukakan untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri-menteri yang hadir dalam Dewan yang mulia ini.

Harap dapat perhatian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Sekarang saya mempersilakan Tuan Azumu bin Tak untuk memulakan pertanyaan pertama. Dipersilakan.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****PELOMBONG-PELOMBONG BUMIPUTERA - BANTUAN**

1, **Tuan Azumu bin Tak** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Institut Penyelidikan Galian masih memberi bantuan kepada pelombong-pelombong bumiputera untuk kerja-kerja carigali; nyatakan bilangan Syarikat-syarikat yang telah diberi perkhidmatan ini semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, Institut Penyelidikan Galian, Jabatan Galian masih memberi bantuan kepada pelombong-pelombong bumiputera yang berminat dan bergiat di dalam perusahaan lombong. Peruntukan bagi projek-projek ini dibekalkan di bawah Kepala Projek Pembangunan, Kementerian Perusahaan Utama dan setakat ini sebanyak 9 buah syarikat telah menerima bantuan tersebut. Dari jumlah tersebut 7 buah syarikat menerima bantuan untuk kerja-kerja cari gali dan kajian keupayaan melombong, sebuah syarikat untuk kajian keupayaan kuam dan sebuah syarikat lagi untuk cara penyiataan prosesan contoh.

**Puan Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat yang berkenaan, adakah Institut Penyelidikan Galian pernah membuat kajian mengenai dengan terdapatnya galian-galian yang berharga di Negeri Terengganu sepertimana yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar baru-baru ini. Kalau belum, bilakah akan dibuat kajian, dan kalau sudah, bagaimanakah hasilnya?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terlalu tertentu dan penerangan dan maklumat yang sesuai dengan soalan itu tidak ada pada saya tetapi kalau ingin mendapat jawapan yang jelas dan detail, harap berikan notis.

#### PROJEK KEPADA KONTRAKTOR BUMIPUTERA

2. **Datuk Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilangan dan nilai projek yang telah diberikan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera pada tahun 1987 dan sehingga Jun 1988 berbanding dengan keseluruhan bilangan dan nilai projek pembangunan yang dikendalikan oleh Kementerian Kerjaraya,

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 119 projek yang bernilai sebanyak \$236,264,284.23 berbanding dengan keseluruhan bilangan projek sebanyak 176 dari nilai sebanyak \$347,293,844.20 telah ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor bertaraf bumiputera pada tahun 1987.

Sementara itu sehingga bulan Jun tahun ini iaitu tahun 1988 sebanyak 164 projek yang bernilai 5146,875,247.02 dari keseluruhan 193 projek yang bernilai S237,761,535,99 telah ditawarkan kepada kontraktor bertaraf bumiputera.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya membuat penjelasan kepada Dewan yang mulia ini sama ada benar atau tidak bahawa kerja-kerja yang telah ditaarakan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera,

mereka tidak dibenarkan mengupah pekerja-pekerja yang bukan bumiputera untuk bekerja di dalam projek berkenaan.

**Tuan Luhah Han:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa jelas tentang pertanyaan itu tadi, minta Yang Berhormat mengulangi sekali lagi.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, saya minta Yang Berhormat membuat penjelasan sama ada benar atau tidak bahawa kami telah mendapat aduan dalam projek-projek yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor bumiputera kerja itu tidak dibenarkan mengupah pekerja-pekerja yang bukan bumiputera, sama ada ini benar atau tidak.

**Tuan Luhat Wan:** Nanti saya rujuk kembali kepada Kementerian. Saya sendiri tidak berapa sedar tentang perkara yang telahpun berlaku sebagaimana yang disebutkan.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Timbalan Menteri yang berkenaan. Dalam begitu banyak projek yang telah diberi kepada syarikat ataupun orang perseorangan pemborong bumiputera, berapakah bilangan syarikat atau orang perseorangan yang telah gagal melaksanakan projek Kerajaan dalam tempoh yang berkenaan?

**Tuan Luhat Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka-angka yang dipohon oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan saya sekarang. Saya minta notislah, dan saya beritahu kepadanya, nanti.

#### ASRAMA DESA

**3. Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah "asrama desa" akan diadakan dan di beberapa kawasankah yang telah ditetapkan untuk asrama tersebut. Apakah strategi unit khas untuk membentaras kemiskinan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]:** Tuan Yang di-Pertua, konsep 'asrama desa' masih lagi di peringkat awal perancangan. Sebagai satu langkah percubaan sebuah asrama desa telah dibina di Sekolah Rendah Kebangsaan Kampung Gulau, Daerah Sik bagi murid-murid keluarga miskin yang duduk di kawaaan-kawasan terpencil. Asrama desa ini telah dibina secara bergotong royong dengan peruntukan diberi oleh Kerajaan. Jika percubaan ini berjaya, Kerajaan bercadang membina asrama desa di kawasan-kawasan lain yang memerlukannya.

Strategi-strategi untuk membentaras kemiskinan adalah sama dengan apa yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru. Cuma dari semasa ke semasa agensi-agensi pusat yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri membuat penilaian ke atas pelaksanaan strategi/program yang ada dengan tujuan untuk mengetahui kekesanannya.

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah usaha Kerajaan untuk membasmi kemiskinan di negara kita mencapai kejayaan jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN?

**Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini daripada kajian yang telah dijalankan oleh Jabatan Perdana Menteri dalam tahun 1984, kadar kemiskinan telah menurun di semua peringkat mengikut kategori-kategori masyarakat. Walau macam manapun, kalau dibandingkan dengan negara-negara ASEAN, kedudukan Malaysia dalam usahanya untuk membanteras kemiskinan seperti apa yang terangkum di dalam Dasar Ekonomi Baru itu adalah memulakan.

#### KADAR BASE LENDING RATES

4. **Dato Dr. K.S.Nijhar** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kementeeian Kewangan akan menimbang untuk mengeluarkan arahan dan bukannya panduan (guidelines) kepada institusi-institusi kewangan supaya menurunkan kadar faedah kepada hampir lebih sedikit daripada kadar "Base Lending Rates".

**Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan berpendapat bahawa pada ketika ini adalah tidak sesuai untuk mengeluarkan arahan baru kepada institusi-institusi kewangan supaya menurunkan kadar faedah kepada kadar yang lebih sedikit daripada kadar Berian Pinjaman Asas, dengan izin, 'Base Lending Rate'. Pada masa ini jidar maksimum atau maximum spread yang dibenarkan ialah 4 mata peratusan di atas kadar Berian Pinjaman Asas ataupun BLR sebagaimana yang ditetapkan dalam Garispanduan Kadar Faedah yang dikeluarkan oleh Bank Negara dalam bulan September, 1987. Pada pandangan saya, jika bank-bank cekap, jidar ataupun spread yang munasabah ialah antara 3 hingga 3.5 peratus. Kementerian Kewangan akan mengawasi jidar ini bagi memastikan kadar faedah pinjaman adalah pada paras yang berpatutan.



**HARGA BARANCAN DI PASAR TANI**

**5. Dr. Nordin Selat** minta Menteri Pertanian menyatakan betulkah separuh harga barang di pasar tani lebih mahal dari harga pasar biasa.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Alexander Yu Lung Lee]:** Tuan Yang di-Pertua, harga barangan di pasar tani adalah pada amnya lebih rendah daripada harga di pasar biasa. Prinsip asas penetapan harga di pasar tani bagi sesuatu jenis barangan yang mempunyai mutu dan kesegaran yang sama di pasar tani adalah 10-12% lebih rendah daripada harga di pasar biasa yang berdekatan. Kebanyakan harga barangan di pasar tani lebih rendah kerana:

- (i) pengeluar menjual sendiri hasil pertanian mereka;
- (ii) margin pemasaran dapat dikurangkan tanpa melalui orang tengah;
- (iii) kos pemasaran dapat dikurangkan dengan bantuan logistik daripada jabatan/agensi Kerajaan;
- (iv) kesegaran hasil dapat dipertahankan kerana masa dan proses pemasaran dapat dipersingkatkan;
- (v) pemasaran bersepadu atau berkumpulan dapat menjimatkan kos pengangkutan dan pengendalian;
- (vi) kecekapan dapat dipertingkatkan melalui bimbingan dan latihan yang berterusan.

Kalaupun terdapat harga di pasar tani lebih tinggi daripada pasar biasa, ini cuma berlaku terhadap harga ikan laut yang kadangkala lebih mahal kerana bekalan terus dari nelayan agak berkurangan. Sekiranya Yang Berhormat ada apa-apa aduan mengenai perkara ini, sila rujuk kepada Kementerian saya untuk siasatan lanjut.

**RUMAH PANGSA - HAKMILIK STRATA**

6. **Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kementerian berkenaan menetapkan tempoh untuk pemaju-pemaju perumahan mengeluarkan hakmilik strata kepada pemilik rumah pangsa selepas bayarannya dijelaskan memandangkan bahawa hakmilik strata hanya diberi oleh pemaju setelah semua pembeli rumah telah menjelaskan bayaran mereka. Ini bermakna pemilik rumah yang membayar lebih awal terpaksa menunggu bertahun-tahun untuk pemilik yang lambat menjelaskan bayaran mereka sebelum mereka boleh mendapat hakmilik strata itu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah [Tuan Adam bin Abdul Kadir]:** Tuan Yang di-Pertua, menurut Seksyen 6 Akta Hakmilik Strata 1985, pihak pemaju adalah diwajibkan membuat permohonan untuk hakmilik strata bagi bangunan berbilang tingkat dalam tempoh enam bulan dari tarikh kuatkuasa Akta itu, iaitu pada 1hb Jun, 1985 atau enam bulan dari tarikh penjualan petak atau perjanjian menjual petak, iaitu jika pemaju itu telah menjual atau bersetuju untuk menjual mana-mana petak dalam bangunan itu kepada mana-mana orang.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan, tiada apa-apa tempoh ditetapkan oleh undang-undang untuk pemaju memindah milik hakmilik strata kepada pemilik rumah pangsa yang telah menjelaskan bayarannya. Dalam keadaan sedemikian, pemilik rumah pangsa boleh mengambil tindakan ke atas pemaju berkenaan iaitu berdasarkan kepada surat perjanjian atau kontrak jualbeli yang telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Bagaimanapun, Kerajaan sentiasa bersama dengan pihak yang hak untuk mengedarkan dari diskriminasi dan penganiayaan.

**Tuan Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat menyatakan beberapa strata title yang telah diluluskan dan dikeluarkan di Kuala Lumpur dan apakah masalah yang dihadapi semasa menimbangkan kelulusan strata title ini?

**Tuan Adam bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, tentang jumlah itu angkanya tidak ada pada saya waktu ini. Tetapi kalau hendak juga angka itu bolehlah memberikan notis.

Mengenai bahagian kedua soalan iaitu apakah masalah-masalah didapati dalam proses permohonan strata **title**, masalahnya tidaklah susah. Tetapi yang menjadi susahya ialah apabila penghuni membeli petak-petak rumah itu ada yang menjelaskan segala pinjaman itu dan ada juga yang tidak jelas. Apabila dimohon permohonan akan hanya dilayani dan diproses sekiranya semua pembeli-pembeli petak-petak rumah pangsa itu telah menjelaskan bayarannya. Kalau katalah dari 100 orang, masih juga dua, tiga orang yang tidak menjelaskan pinjaman ataupun bayarannya, maka prosesnya tidak boleh dimulakan. Itu sahaja masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Manap bin Hashim.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

#### ANGGOTA OPEC

**7. Tuan Mustafa bin Awang** [di bawah S.O. 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan adakah Malaysia berhajat untuk menganggotai OPEC di masa sekarang atau di masa hadapan, memandangkan Malaysia adalah sebuah negara pengeluaran minyak.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gadaam]:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Malaysia tidak berhajat untuk menganggotai OPEC. Walaupun Malaysia sebuah negara pengeluar minyak, kita berpuas hati dengan peranan kita sebagai pemerhati sahaja dan tidak menjadi ahli sepenuhnya.

Sebenarnya negara yang menganggotai OPEC adalah pengeluar-pengeluar minyak yang terbesar yang memperolehi 60% daripada pendapatan pertukaran asing dari hasil minyak manakala Malaysia hanya memperolehi 13.9% sahaja daripada pendapatan wang asingnya dari minyak. Oleh itu nyatalah kepentingan negara kita tidaklah serupa dengan kepentingan negara-negara anggota OPEC.

Walau bagaimanapun, Malaysia tetap akan menyokong apa-apa dasar OPEC yang dibuat dari masa ke semasa dalam usahanya untuk menstabilkan harga minyak dunia demi manfaat semua pihak.

**Tuan Abdul Majid bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, walaupun negara kita tidak menyertai OPEC tetapi apakah harga minyak kita mengikut harga negara-negara OPEC?

Kedua, apakah benar minyak kita tidak diproses dalam negeri tetapi dijual terus kepada negara-negara asing?

**Tuan Kasitah bin Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama, harga minyak kita adalah serupa dengan harga minyak negara-negara lain iaitu mengikut pasaran dunia. Sebenarnya harga minyak kita itu adalah lebih baik daripada setengah-setengah harga minyak OPEC kerana kelasnya adalah lebih baik daripada negara-negara yang lain.

Mengenai pemerosesan minyak, memang betul kebanyakan daripada minyak yang kita eksport ke luar negeri adalah tidak diproses. Yang kita proses di negara kita hanya untuk menampung kemahuan atau permintaan dalam negeri sahaja.

#### HARGA BUKU/MAJALAH/BACAAN UMUM

8. **Dr. Ng. Khok Kiung** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan bahawa harga buku-buku, majallah-majallah dan lain bahan-bahan bacaan adalah berpatutan dan sanggup dibeli oleh pembaca-pembaca terutamanya dari luar bandar memandangkan tabiat membaca memang digalakkan di kalangan rakyat negara kita; dan
- (ii) adakah pihak Dewan Bahasa dan Pustaka berhajat menerbitkan buku-buku yang dijual kepada pelajar-pelajar dengan harga khas untuk menggalakkan tabiat membaca di kalangan mereka.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan memang sentiasa beruaha untuk mengurangkan harga buku, majallah dan bahan-bahan bacaan umum dengan tujuan untuk menggalakkan tabiat membaca di kalangan rakyat negara ini.

Antara usaha-usaha yang dicadangkan untuk mengurangkan harga buku ialah:

- (a) mengurangkan kos penerbitan dan kos kertas seperti menggunakan penerbitan cara "desk top" serta menggunakan kertas yang kurang bermutu;
- (b) memperbanyakkan jumlah cetakan supaya kos unit dapat dikurangkan;
- (c) mengurangkan kos promosi setiap tajuk dengan cara membuat promosi secara kumpulan (combine promotion) pada satu masa;
- (d) mengurangkan kos terjemahan dan kos-kos editorial.

Mengenai penjualan buku dengan harga khas kepada pelajar-pelajar, Dewan Bahasa dan Pustaka telahpun melaksanakan perkara ini di mana beberapa tajuk buku telah dijual dengan harga yang murah, seperti Kamus Pelajar dan juga majallah-majallah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain dari itu, Dewan Bahasa dan Pustaka memberikan diskaun kepada pembeli-pembeli di pameran-pameran buku di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari usaha-usaha tersebut itu, Kementerian Pendidikan mengarahkan sekolah-sekolah menubuhkan perpustakaan sekolah dan memberikan kemudahan-kemudahan dan membekalkan buku-buku untuk perpustakaan dan menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan bahan-bahan dan buku-buku di perpustakaan sekolah.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan sedar bahawa ada setengah-setengah sekolah yang memaksa murid-murid membeli buku-buku

latihan yang harganya lebih mahal daripada buku-buku teks. Walaupun Kerajaan ada mengadakan skim pinjaman untuk buku-buku teks tetapi ia telah membebankan murid-murid yang miskin kerana membayar buku latihan yang lebih mahal dan telah membebankan tanggungan ibu-bapa untuk membeli buku latihan lebih mahal daripada buku-buku teks.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedar keadaan ini, khasnya berkaitan dengan buku latihan dan Kementerian Pendidikan sedang mengkaji perkara ini.

**Tuan Hassan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Pendidikan membuat kajian tentang buku-buku yang dikeluarkan di Indonesia sekarang ini yang boleh menolong memperbanyakkan jenis-jenis buku untuk kegunaan murid-murid dan juga orang ramai sebagai galakan minat untuk membaca dengan lebih luas lagi. Setahu saya di Indonesia sekarang buku-buku dalam bidang pengurusan, perniagaan dan lain-lain dikeluarkan dengan begitu banyak. Kenapa tidak Dewan Bahasa mengkaji buku-buku ini supaya boleh diubahsuai bahasa untuk memperbanyakkan buku-buku di dalam pasaran.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu cadangan yang baik. Saya belum kenalpasti adakah kita membeli atau mendapat buku-buku dari Indonesia tetapi kita selalu mengadakan perjumpaan dengan penerbit-penerbit dari Indonesia dengan Malaysia dan kita akan mempertingkatkan perhubungan ini.

**Puan Valli Muthusamy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, adakah rancangan untuk menerbitkan buku-buku untuk pelajar-pelajar di dalam sekolah Tamil dan Cina kerana didapati banyak pelajar-pelajar di sekolah-sekolah

Tamil lemah di dalam matapelajaran Bahasa Malaysia berdasarkan keputusan peperiksaan Darjah V dan VI.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, di sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil ada dibekalkan dengan buku-buku Bahasa Malaysia dan kelemahan dalam Bahasa Malaysia itu bukanlah mereka tidak dapat buku teks yang sesuai. Sebabnya ialah mereka tidak mencukupi masa untuk mempelajari Bahasa Malaysia itu dan sebab itu Kementerian Pendidikan menggalakkan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil untuk menjalankan kelas tambahan selepas jadual pengajaran biasa.

#### LATIHAN PAKAR PERUBATAN

9. **Dr. Tan Chong Keng** minta Menteri Kesihatan menyatakan program latihan pakar perubatan pelbagai bidang di hospital tempatan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang mencukupi kepada pesakit-pesakit. Khasnya, adakah Kerajaan mengambil langkah yang sempurna untuk menempatkan pakar perubatan di hospital-hospital daerah yang besar supaya tidak hanya ada sistem lawatan pakar perubatan sekali seminggu sahaja.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' K. Pathmanaban]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang mempunyai program latihan pakar perubatan dalam pelbagai bidang di hospital-hospital tempatan. Di bawah skim latihan ijazah lanjutan, Kementerian menempatkan pegawai-pegawai perubatannya ke hospital-hospital Kerajaan sebagai Pendaftar atau "Medical Officer Trainee" selama dua tahun sepenuh masa dalam disiplin-disiplin tertentu sebagai persediaan dan pendedahan yang melayakkan seseorang menjadi pakar itu. Latihan dan pengalaman di hospital-hospital Kerajaan ini membolehkan pegawai-pegawai perubatan untuk melayakkan diri mengambil peperiksaan kepakaran seperti MRCOG, MRCP, FRCS dan



sebagainya di United Kingdom. Mereka yang tidak dapat penganjuran biasiswa untuk mengikuti ijazah lanjutan di luar negeri boleh juga menggunakan kemudahan cuti tanpa gaji selama satu tahun bagi tujuan tersebut.

Program-program latihan kepakaran dalam bidang perubatan juga dikendalikan oleh universiti-universiti tempatan di mana disiplin atau jabatan tertentu di hospital Kerajaan diiktiraf sebagai pusat latihan atau persetujuan bersama antara Kementerian Kesihatan dan Univerisiti tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa berusaha untuk mengadakan perkhidmatan kepakaran yang berkaitan di semua Hospital Besar dan beberapa hospital daerah walaupun ianya masih menghadapi kekurangan pakar. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan telah juga mengambil beberapa orang pakar perubatan asing secara kontrak bagi menambahkan lagi bilangan pakar-pakar di negara ini sebagai langkah sementara. Di samping itu, tindakan-tindakan sedang juga diambil untuk menambahkan lagi bilangan doktor-doktor mengikuti latihan di dalam bidang-bidang yang mana kekurangannya amat ketara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem lawatan pakar-pakar perubatan ke hospital daerah akan dapat dikurang dan dihentikan apabila bilangan pakar-pakar mencukupi untuk ditempatkan di hospital-hospital berkaitan. Sementara itu kami rasa sistem lawatan pakar-pakar membolehkan pesakit-pesakit di kawasan luar juga menikmati kemudahan rawatan pakar.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan. 3-4 bulan dahulu Yang Berhormat Menteri Kesihatan berjanji di dalam Dewan yang mulia ini selain daripada menghantar doktor-doktor untuk menjadi pakar, Menteri yang berkenaan juga berjanji supaya pakar-pakar ubat akan dihantar ke mana-mana universiti sama ada dalam atau luar negeri yang terdiri daripada "Pharmacist" kita yang sehingga hari ini di negara kita ini tidak ada seorang pun "pharmacist" yang bertaraf doktor ataupun pakar dalam perkara ini. Setakat ini berapakah bilangan yang telah diberi peluang oleh pihak Kementerian atau Kerajaan bagi melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan kepakaran dalam bidang perubatan ini?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asas adalah mengenai pakar perubatan, iaitu doktor perubatan, bukan ahli farmasi.

**Dr Tan Chong Keng:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta Yang Berhormat yang berkenaan menjelaskan masalah yang berikut, memandangkan baru-baru ini ada ramai pakar perubatan yang meletakkan jawatan daripada hospital-hospital Kerajaan untuk membuka klinik swasta ataupun pusat perubatan pakar swasta, adakah Kementerian mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk menggalakkan pakar-pakar perubatan itu teruskan perkhidmatan mereka di hospital Kerajaan untuk kebajikan pesakit-pesakit kita?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Fenomena bukan sahaja doktor pakar perubatan tetapi juga doktor-doktor biasa meletakkan jawatan bukanlah satu yang baru kerana kita memang memaksa semua yang mempunyai ijazah perubatan asas yang ingin mengamalkan profesion mereka di negara kita ini

bertugas sekurang-kurangnya 3 tahun dengan Kerajaan dan selepas itu sudah tentu ada sebahagian daripada mereka yang pada permulaannya pun tidak berhasrat untuk bertugas dengan Kerajaan yang akan meletakkan jawatan selepas tempoh wajib bekerja dengan Kerajaan **itu**. Tetapi kita memang memberi beberapa penggalakan untuk mengekalkan doktor-dektor ini dengan perkhidmatan Kerajaan dan sudah beberapa kali langkah-langkah itu dijelaskan dengan panjang lebar di Dewan ini.

#### ISU RAMIBIA - SIKAP MALAYSIA

**10. Puan Aion binti Ariffin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap dan peranan Kerajaan Malaysia mengenai masalah penindasan dan menuntut hak kemerdekaan rakyat di negara Namibia.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Abu Hassan bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan dasar luar negara kita mengenai Kolonialisme dan hak-hak negara yang dijajah mencapai kemerdekaan, Malaysia tetap menyokong perjuangan rakyat Namibia yang menuntut kebebasan, hak menentukan masa hadapan mereka sendiri dan kemerdekaan negara sendiri serta lepas dari cengkaman regim Afrika Selatan.

Malaysia menyokong ketetapan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai pemberian kemerdekaan kepada Namibia melalui Sistem Pemegang Amanah (Trusteeship System) yang telah dibuat pada tahun 1945. Malaysia juga berpegang dan yakin bahawa ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu melalui Resolusi 435 tahun 1978 maaih menjadi asas bagi mencari penyelesaian kepada masalah Namibia.

Walau bagaimanapun, regim Afrika Selatan enggan mematuhi kedua-dua ketetapan tersebut dan terus mentadbir Namibia secara tidak sah. Disebabkan oleh keengganan Afrika Selatan, Malaysia telah berkali-kali mengutuk dengan keras regim Afrika Selatan kerana menghalang Namibia dari mencapai kemerdekaan.

Sebagai menunjukkan sokongan terhadap perjuangan rakyat Namibia, Malaysia beserta dengan lain-lain negara anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menyuarakan sokongan dan mengiktiraf, dengan izin, South West African People's Organisation (SWAPO) sebagai wakil tunggal yang sah bagi rakyat Namibia semenjak tahun 1976. Malaysia juga telah bersetuju untuk menawarkan bantuan teknik dan latihan kepada rakyat Namibia yang akan dihulur melalui Program Kerjasama Teknik Malaysia (Malaysian Technical Cooperation Programme) atau Tabung Komanwel untuk Kerjasama Teknik (Commonwealth Fund for Technical Cooperation ataupun melalui Tabung Afirika, di bawah Pergerakan Negara-negara Berkecuali (Non-Aligned Movement). Malaysia juga turut bersama dengan lain-lain negara, khususnya negara-negara Afrika, menarik perhatian dunia mengenai isu tersebut melalui persidangan-persidangan peringkat antarabangsa seperti Pergerakan Negara-negara Berkecuali dan Komanwel di dalam usaha mencari jalan penyelesaian secara bersama. Bahkan, Malaysia pada prinsipnya telahpun bersetuju sekiranya ditawarkan untuk menyertai pasukan tentera pengaman Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di Namibia selepas pasukan itu ditubuhkan.

Baru-baru **ini**, kita telah menerima lawatan Tuan Yang Terutama Leftenan Jeneral Peter Souzee, iaitu Presiden Majlis Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Namibia (UN Council for Namibia) dan ahli-ahli rombongannya ke Malaysia. Majlis itu adalah satu badan di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang bertanggungjawab terhadap pentadbiran Namibia dan tujuan lawatan yang berkenaan adalah untuk bertukar-tukar pendapat bagi mencari jalan penyelesaian kepada isu Namibia.

**SEKOLAH BANTUAN MODAL**

**11. Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kerajaan akan menjadikan Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang terletak di estet-estet yang mempunyai status sekolah bantuan modal kepada status sekolah bantuan penuh Kerajaan. Sekolah-sekolah tersebut menghadapi berbagai masalah kerana tidak dapat menikmati sama kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan seperti yang dinikmati oleh sekolah bantuan penuh.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sekolah-sekolah Bantuan Modal yang ingin menukar tarafnya kepada Sekolah-sekolah Bantuan Penuh bolehlah membuat permohonan kepada Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing. Setiap permohonan akan dikaji mengikut meritnya.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan membuat penjelasan sama ada Kementerian Pendidikan masih berhasrat untuk menutup sekolah-sekolah yang kurang daripada 150 orang murid-murid. Kalau tidak, adakah Kementerian akan bercadang untuk menambahkan peruntukan untuk meningkatkan sekolah ini dalam kemudahan-kemudahan asas?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah yang jumlah murid lebih dari 149 ataupun lebih dari 10 murid-muridnya boleh dikatakan adalah sekolah yang sangat sihat dan Kementerian Pendidikan tidak berhasrat untuk menutup sekolah-sekolah ini, sebab Kementerian Pendidikan hendak sekolah-sekolah dekat dengan keluarga

murid-muridnya. Tetapi Kementerian Pendidikan bimbang juga sebab sekiranya bilangan murid di tiap-tiap sekolah itu jatuh sampai ke 2-3 orang ini tidak akan memberi faedah baik kepada murid-murid sebab mereka tidak dapat bercampur Gaul dengan rakan-rakan dan tidak akan dapat membina satu semangat bagus dengan kawan-kawan dan selepas mereka menjadi orang dewasa tidak akan dapat tahu bagaimana untuk bercampur Gaul dan meningkatkan muhibah di antara semua kawan dan rakannya, sebab itu Kementerian Pendidikan ingin hendak semua sekolah yang bilangan murid yang kurang itu dapat ditambahkan. Saya harap semua rakyat di negara kita dapat mematuhi satu rayuan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu menambahkan bilangan rakyat kita sampai ke 70 juta [Ketawa].

**Tuan C. Krishnan:** Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah ini adalah ditafsirkan sebagai Sekolah Bantuan Modal kerana sekolah-sekolah ini didirikan atas tanah orang-orang swasta. Sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada sebuah sekolah di Ladang Tanah Merah, Port Dickson di atas rayuan Ahli Parlimen Teluk Kemang, pihak ladang majikan itu telahpun memberikan tanah itu dengan percuma?

Saya sedia maklum banyak sekolah-sekolah Tamil diletak di estet-estet itu, majikan-majikan itu bukan Mat Salleh, majikan-majikan itu orang kita. Kebanyakan estet adalah estet Perbadanan Nasional Berhad, Sime Darby dan Harrisons Malaysian Plantations Bhd. Apa salahnya Kementerian Pendidikan merayu kepada pihak-pihak majikan ini supaya bagikan tanah itu dengan cara \$1.00 kepada sekolah-sekolah ini. Sudah 31 tahun kita merdeka, apa salahnya? Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab kita kena merayu kepada Jabatan Pendidikan. Berapa lama hendak merayu - 31 tahun? Yang Berhormat Timbalan Menteri sila beri penjelasan. **[Ketawa]**

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Kementerian Pendidikan hendak mengambil alih tapak-tapak sekolah ini, Kementerian Pendidikan hendak mengkaji tempat itu, adakah boleh ditukar hakmilik atau tidak dan banyak orang-orang yang mempunyai estet itu tidak berhasrat untuk menyerahkan tanah kepada Kerajaan tanpa diberi pampasan. Itu adalah satu masalah dan kalau Yang Berhormat dapat merayu dengan segera kepada estet-estet itu mengkurniakan tanah ini, itu adalah sangat-sangat digalakkan.

**Tuan Lau Keng Siong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka tanya pihak Kementerian Pendidikan, kita sudah mencapai kemerdekaan lebih 20 tahun, akan sampai 30 tahun, mengapa masih ada

perbezaan bantuan modal dengan bantuan penuh? Jadi, saya fikir perkara ini siang-siang sudah hendak dihapuskan. Semua rakyat jelata sama taraf. Jangan kita ada sekolah bantuan modal atau bantuan penuh, patut diubahkan perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apakah soalan Yang Berhormat? **[Ketawa]**  
Yang Berhormat hendak menjawab? Tidak payahlah. Yang Berhormat Tuan Lim Heng Tee, dipersilakan.

**Tuan Lim Heng Tee:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya bertanya soalan saya No 12, ingin saya membuat sedikit pembetulan dalam teks bahasa Inggeris, dengan izin, "in their struggle for foreign and independence so far", sebenarnya ialah "in their struggle for 'freedom' and independence, so far" - bukan foreign. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya No. 12.

#### PERJUANGAN RAKYAT PALESTINE DAN AFGHANISTAN - SOKONGAN MALAYSIA

**12. Tuan Lim Heng Tee** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauhmana dan dalam bentuk apa Malaysia telah menyokong dan membantu rakyat Palestine dan Afghanistan dalam perjuangan mereka untuk kebebasan dan kemerdekaan setakat ini.

**Dato Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap soalan dalam Bahasa Malaysia ini betul sebab jawapan saya adalah berdasarkan kepada soalan dalam Bahasa Malaysia. Betul? Terima kasih.

Sebagaimana Dewan sedia maklum, dasar dan pendirian Malaysia terhadap isu-isu Palestin dan Afghanistan telah dinyatakan dalam sidang-sidang Dewan ini yang lepas. Kita sangatlah bersimpati dengan perjuangan mereka untuk kebebasan dan kemerdekaan.



Mengenai isu Palestin, Malaysia mengecam sikap dan tindakan regim Israel terhadap rakyat Palestin di Tebing Barat, Sungai Jordan dan juga di Gaza. Sokongan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin merupakan sokongan politik, moral dan bantuan kewangan. Sokongan politik dan moral meliputi sokongan penuh kepada beberapa ketetapan ataupun resolusi yang dibuat oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Pertubuhan Negara-Negara Islam dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali serta persidangan-persidangan antarabangsa yang lain. Sokongan seperti ini amatlah perlu bagi membantu perjuangan mereka itu.

Malaysia telah menubuhkan Tabung Rakyat Palestin untuk mengumpul derma dari segenap lapisan masyarakat. Setakat ini jumlah derma yang dipungut ialah \$955,325.45 dan dari jumlah ini sebanyak \$437,095.00 telah diserahkan dalam tiga peringkat kepada P.L.O. Bantuan politik, moral dan kewangan dari Malaysia amatlah disanjung tinggi oleh P.L.O.

Malaysia juga telah mengambil sikap yang tegas mengenai isu Afghanistan. Adalah jelas kita mengharapkan pengunduran tentera Soviet dari Afghanistan dapat diselesaikan dalam jangka waktu yang dipersetujui. Ini akan membolehkan rakyat Afghanistan berusaha sesama sendiri untuk memulihkan suasana politik dalam negara berkenaan dan menubuhkan satu Kerajaan yang mewakili setiap pihak. Kerajaan demikian tentunya akan dapat menjamin kemerdekaan dan kedaulatan negara berkenaan. Terpulanglah kepada rakyat Afghanistan menentukan bentuk Kerajaan yang mereka kehendaki. Sebagai tanda sokongan, kita telah menubuhkan satu Tabung bagi orang-orang pelarian Afghanistan pada tahun 1985.

**Tuan Haji Shuaib bin Lazim:** Soalan tambahan. Sebagai Menteri Luar, saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat. Apakah pandangan

Yang Berhormat Menteri mengenai masalah Palestin yang tidak boleh diselesaikan sehingga sekarang? Rakyatnya diburu dan dibunuh seperti binatang. Adakah ini disebabkan oleh permainan politik kuasa-kuasa besar terutama Amerika Syarikat dan mengapakah negara-negara Islam lain setengah-setengahnya tidak begitu hirau dan kenapa negara-negara Islam ini tidak benar-benar bersatu sebagai saudara Islam untuk membanteras kejadian yang amat zalim dan keji ini?

**Dato Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan terus berusaha sama ada melalui Negera-negara Islam (OIC) ataupun badan-badan yang lain yang saya katakan sebentar tadi, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terutamanya meminta semua pihak sama ada pihak kuasa-kuasa besar ataupun negara-negara Islam sendiri yang pada masa ini belum menunjukkan sokongan penuh terhadap masalah Palestin ini untuk berbuat demikian dan kita dengan beberapa negara-negara lain akan terus berusaha sehingga masalah ini dapat diselesaikan dan saya berharap bahawa negara-negara kuasa besar akan dapat memainkan peranan bagi menyelesaikan masalah ini.

#### PELABURAN DARI TAIWAN DAN CHINA

13. **Tuan Tan Chai Ho** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa jumlah pelaburan dari Negeri Taiwan dan China di Wilayah Persekutuan setakat ini. Kalau pelaburan tersebut tidak memuaskan, apakah insentif perlu diwujudkan untuk menarik pelaburan dari Negeri Taiwan atau China.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian [Dato Kok Wee Kiat]:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) jumlah modal pelaburan yang melibatkan penyertaan ekuiti dari negara Taiwan di Wilayah Persekutuan dalam

projek-projek yang diluluskan bagi jangka masa 1980 hingga Mei, 1988 ialah sebanyak \$11.4 juta, manakala bagi tempoh yang sama tidak terdapat penyertaan ekuiti dari negaraChina di Wilayah Persekutuan. Memandangkan bahawa permintaan untuk kawasan-kawasan perindustrian di Wilayah Persekutuan adalah terlalu tinggi dibandingkan dengan bekalannya, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan seterusnya di luar kawasan Wilayah Persekutuan. Dengan itu insentif yang wujud sekarang adalah dianggap memadai bagi menarik pelaburan ke kawasan ini.

**DASAR UTAMA KERAJAAN**

**14. Tuan Hassan bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada dasar-dasar utama Kerajaan seperti Dasar Perindustrian Berat, Pelan Induk Perindustrian, Penswastaaan, Dasar Pelajaran Kebangsaan, Dasar Pandang Ke Timur, Persyarikatan Malaysia dan Dasar Kependudukan ke Arah 70 Juta masih diteruskan;
- (ii) sejauhmanakah dasar-dasar ini telah mencapai matlamatnya masing-masing; dan
- (iii) adakah kombinasi keseluruhan dasar-dasar ini sesuai dan selaras dengan objektif negara menuju ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara NIC serta untuk memasuki abad ke 21.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Othman**

**bin Abdul]:** Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar utama Kerajaan seperti Dasar Perindustrian Berat, Pelan Induk Perindustrian, Penswastaaan, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Kependudukan Ke Arah 70 Juta masih terus dilaksanakan. Pencapaian matlamat Dasar Industri Berat perlu dilihat dalam konteks Dasar Perindustrian Negara secara menyeluruh. Ini adalah kerana pembangunan industri berat secara terpilih adalah merupakan sebahagian penting daripada strategi-strategi pembangunan perindustrian negara. Walaupun pencapaian dasar industri berat adalah berbeza-beza dan bergantung kepada sektor industri yang diceburi, namun pada keseluruhannya dasar ini telah berjaya menyediakan asas perkembangan sektor perindustrian.

Mengenai Pelan Induk Perindustrian, masih terlalu awal untuk menilai pencapaiannya kerana dasar ini baru dilaksanakan iaitu mulai tahun 1985. Walau bagaimanapun, perubahan-perubahan dasar dan

strategi yang diperakukannya dan dilaksanakan oleh Kerajaan telah mewujudkan suasana dan iklim pelaburan yang menggalakkan. Ini boleh dilihat dari prestasi sektor pembuatan yang telah membangun semula dalam tahun 1986 setelah mengalami pertumbuhan negatif dalam tahun 1985. Dalam tahun 1987, kadar pertumbuhan sektor ini adalah sebanyak 12.0% dan dijangka sektor ini akan bertambah dengan kadar yang tinggi pada tahun 1988 dan tahun-tahun seterusnya. Dasar pen-swastaaan masih terlalu awal untuk diukur kejayaannya secara terperinci kerana ianya masih baru dan bilangan projek yang telah diswas-takan adalah kecil. Sungguhpun begitu, pelaksanaan dasar ini telah menunjukkan kesan yang baik di dalam memenuhi matlamat utama dasar ini seperti pengurangan beban kewangan Kerajaan dan peningkatan produktiviti.

Sementara itu, matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan telah dicapai. Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa penghantar telah dilaksanakan ke peringkat ijazah. Di samping itu, sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara telah menggunakan kurikulum dan peperiksaan yang sama. Sayugia ditekankan di sini bahawa dasar atau matlamat penduduk 70 juta ini merupakan satu perancangan kependudukan jangka panjang. Perancangan tersebut penting bagi mencapai pembangunan ekonomi dan sosial yang seimbang dan berkesan bukan sahaja kepada penduduk sekarang, bahkan juga untuk generasi yang akan datang. Oleh yang demikian, pencapaian matlamat tersebut perlulah dilihat dari segi perspektif jangka panjang. Berdasarkan arah aliran demografi semasa serta program kependudukan dan pembangunan yang telah dan akan dijalankan, matlamat penduduk 70 juta boleh dicapai.

Pada keseluruhannya, dasar-dasar di atas adalah sesuai dan selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara per-industrian. Di samping itu pelaksanaan dasar ini akan menyediakan asas yang lebih kukuh kepada pembangunan ekonomi dan sosial bagi

menghadapi masalah di abad ke 21, Apa yang penting kini ialah usaha untuk mempercepatkan proses ke arah pencapaian matlamat ini tanpa mengabaikan aspek-aspek sosial yang lainnya.

#### IMPORT BAHAN MAKANAN

**15. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa banyak yang Kerajaan kita belanja untuk mengimport bahan makanan pada tahun ini, adakah jumlahnya bertambah atau berkurangan; dan
- (b) sejauhmana berjayanya Kementerian Pertanian untuk mengurangkan pengimportan bahan makanan seperti jagung, daging dan sebagainya untuk membantu ekonomi negara.

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini maklumat dan data mengenai perbelanjaan untuk mengimport bahan makanan masih belum terkumpul. Walau bagaimanapun, setakat bulan Februari tahun 1988, Kerajaan telah mengimport bahan makanan sejumlah \$554,524,000 berbanding dengan nilai eksport sebanyak \$449,403,000. Ini bermakna nilai import bersih bagi dua bulan pertama ini tidak boleh dijadikan petunjuk sama ada jumlah import bahan makanan bertambah atau berkurangan.

Pada umumnya, Kerajaan melalui Kementerian Pertanian Malaysia telah berjaya mengurangkan pengimportan bahan makanan seperti daging ke arah membantu membangunkan ekonomi negara. Umpamanya, Kerajaan tidak mahu mengeluarkan barangan makanan yang kosnya tinggi. Di samping itu, Kerajaan menggalakkan imbalan dagangan yang positif dengan negara-negara lain. Umpamanya dengan mengimport daging lembu dari India kerana negara tersebut adalah pengimport minyak kelapa sawit yang utama dari negara kita. Bagi tahun 1985, jumlah nilai

import bersih adalah sebanyak \$1,401,889,000 berbanding dengan tahun 1986 sebanyak \$949,740,000 dan ianya terus menurun kepada \$511,853,000 pada tahun 1987.

**Tuan Dahalan bin Haji Embun:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa negara kita mengimport barang berharga lebih kurang \$50 juta dan ubi kentang yang berharga \$40 juta setahun. Apakah usaha Kerajaan untuk mengurangkan import kedua-dua komoditi ini memandangkan tanah dan iklim di Cameron Highlands adalah sesuai untuk bawang dan ubi kentang mengikut kajian?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi, dasar kita bukanlah mengeluarkan semua barang-barang yang kita boleh tanam. Mengikut kosnya yang begitu tinggi dan juga nampaknya negara-negara dari mana kita mengimport barang-barang ini, kita mesti terdapat satu dagangan yang seimbang di antara negara-negara lain dan negara-negara kita. Memandangkan tanaman-tanaman yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, walaupun tanah dan iklim di negeri kita sesuai, tetapi kos penguatkuarannya adalah tinggi dan juga tidak boleh dibandingkan dengan kos import. Juga bawang ini mempunyai satu jenis penyakit dan setakat ini kami belum dapat menyelesaikannya. Bawang ini juga kebanyakannya kita import dari negara India dan seperti yang saya sebutkan tadi negara India adalah satu negara yang mengimport minyak kelapa sawit yang utama dari negara kita.

**Tuan R.M. Jasni:** Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak salah saya jagung tidak disebutkan seperti di dalam soalan ini. Adakah ini bererti kita masih mengimport jagung dengan banyaknya dari negara luar?

**Dato' Alexander Yu Lung Lee:** Tuan Yang di-Pertua, jagung memanglah satu bahan yang kita import begitu banyak. Tiap-tiap tahun kita mengimport jagung berharga lebih kurang \$300 juta dan setakat ini kita belum dapat satu hasil yang sesuai di mana kita boleh

mengeluarkan jagung dengan satu hasil yang bermutu dan juga yang cukup dibandingkan dengan kos yang kita import. Kementerian saya telah mewujudkan satu Majlis Perindustrian Jagung dan Majlis ini sedang mengkaji dengan mendalam bagaimana kita boleh mengeluarkan jagung dengan berkesan. Tetapi sampai sekarang kadar kos yang kami boleh mengeluarkan jagung ini adalah tidak kurang dari 40 sen sekilo, tetapi kos yang kita import jagung ini cuma 30 sen sekilo sahaja.

#### **BUKU TEKS - BAHAN SENSITIF**

16. **Tuan C. Rishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementeriaannya untuk menentukan supaya buku-buku teks tidak mengandungi bahan-bahan sensitif yang boleh menyinggung perasaan orang ramai. Baru-baru ini buku teks sejarah S.R.P. telahpun mengandungi aspek-aspek yang menceritakan kasta.

**Tua Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah dan tindakan yang perlu terhadap perkara-perkara yang sensitif dan tidak lagi bersesuaian mengenai sesuatu kaum atau agama di negara ini di dalam buku-buku teks yang telah diperakukan. Berkaitan dengan buku teks sejarah S.R.P. yang mengandungi aspek-aspek mengenai kasta, pihak Kementerian Pendidikan telah mengarahkan para penerbit memansuhkan aspek-aspek negatif tersebut semasa mengulang cetak buku-buku mereka dan mengeluarkan satu surat pekeliling bertarikh 2hb April, 1986 kepada semua sekolah yang mengarahkan supaya guru-guru tidak lagi menyentuh perkara kasta di dalam pengajaran mereka.

Selain dari itu, Kementerian Pendidikan juga meneliti dan memastikan bahawa perkara mengenai kasta dan lain-lain perkara sensitif tidak timbul di dalam buku-buku teks KBSM yang sedang diproses penghasilannya sekarang.



Sehubungan dengan ini juga buku-buku teks yang lama akan gugur dengan sendiri apabila tiba buku-buku teka KBSR yang baru. Ini adalah selama dengan langkah Kerajaan untuk mempertingkatkan usaha ke arah perpaduan kaum dan membendung unsur-unsur yang boleh menimbulkan polarisasi kaum.

#### ANGGOTA TENTERA YANG BERHENTI

**17. Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah ahli-ahli Angkatan Tentera Malaysia yang telah menamatkan perkhidmatan dalam tahun 1988 dan nyatakan jumlah daripada mereka yang dapat pekerjaan melalui Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit di Kementerian Pertahanan.

**Menteri Pertahanan [Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj]:**

Tuan Yang di-Pertua, bilangan anggota tentera yang berhenti dari perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia setakat bulan Mei 1988 ialah seramai 1,496.

Jumlah yang mendaftar untuk mendapatkan pekerjaan bagi tahun 1988 ialah 709. Dari jumlah tersebut seramai 300 orang telah dicalonkan untuk temuduga bagi tahun 1988. Manakala bilangan yang hadir untuk ditemuduga ialah seramai 220 orang dan yang telah berjaya ialah seramai 60 orang.

#### JEMAAH HAJI URUSAN SYARIKAT SWASTA

**18. Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) selain daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji mengelolakan bakal-bakal Haji ke Mekah adakah dibenarkan agensi-agensi atau syarikat-syarikat atau kumpulan lain bertindak menguruskan bakal-bakal Jemaah Haji ke Mekah; jika ada apakah syarat-syarat yang diperlukan;
- (b) sekiranya berlaku kemalangan atau sesuatu malapetaka kepada mereka adakah Lembaga Urusan dan Tabung Haji boleh memberikan pertolongan; dan
- (c) berikan perbandingan Jemaah-jemaah Haji kita Malaysia ini yang telah menunaikan fardu Haji ke Mekah bagi tempoh tahun 1986, 1987 dan 1988 ini.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun ini, selain daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji, terdapat 6 buah syarikat swasta telah diberi kelulusan oleh Kerajaan untuk mengendalikan jemaah Haji. Syarikat-syarikat berkenaan ialah:

Nama/Alamat	Bil. Jemaah Haji
(1) Asari Murni Agency, No. 4040, Taman Mutiara, Jalan Sultanah, Alor Setar.	130 orang
(2) Triways Travel & Tours Sdn. Bhd., No. 20, Jalan Tun Mohd. Fuad, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur.	234 orang
(3) Citra Travel & Tours Sdn. Bhd., Fl, Jalan Bayan, Kota Bharu, Kelantan.	73 orang
(4) SMAS Travel Sdn. Bhd. Tingkat Bawah Annexe Block, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut, Kuala Lumpur.	33 orang
(5) Blue Moon Sdn. Bhd. Tingkat 1, Wisma Merlin, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.	76 orang



- (6) Syarikat mengurus sendiri perumahan jemaah hajinya di Mekah dan di Madinah dengan pihak Muassasah di sana tetapi Muassasah dan Tabung Haji hendaklah meluluskan rumah-rumah yang hendak disewa.
- (7) Syarikat dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian Pengendalian Jemaah Haji dengan Tabung Haji.

Syarat-syarat ini adalah untuk memastikan yang syarikat tersebut dapat menjamin untuk menguruskan jemaah Haji menunaikan Haji dengan baik dan sempurna.

- (b) Sekiranya berlaku kemalangan atau sesuatu malapetaka kepada jemaah Haji, insya Allah, Lembaga Urusan dan Tabung Haji boleh memberi pertolongan ke arah itu. Tabung Haji telahpun bersedia dengan rancangan keselamatan yang telah digubal lebih awal.
- (c) Perbandingan jumlah jemaah Haji Malaysia yang telah menunaikan fardu Haji bagi tahun-tahun lalu adalah seperti berikut:-

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah</b>
1986	26,043
1987	25,478
1988	29,252

Tuan Tang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut sudahpun cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan Ho. 19 hingga 73 adalah diberi ]**

## USUL

## PEMILIHAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

**3.35 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Kasitah bin Gaddam]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Yang Berhormat Senator Dato' Tan Peng Khoon dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara [Tepuk].

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Ahli-ahli Dewan Negara mohon menyokong cadangan yang telah dikemukakan oleh pihak Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tepuk].

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana hanya seorang sahaja Ahli yang dicadangkan dan disokong, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 2 (3) dan dalam Peraturan Mesyuarat 5 (3), saya dengan ini mengisytiharkan dengan rasminya bahawa Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoon dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara ini [Tepuk].

Sekarang dipersilakan Yang Berhormat mengambil tempat duduknya sebagai Timbalan Yang di-Pertua di dalam Dewan ini.

[Dengan pemasyhuran Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Tan Peng Khoo dibawa ke tempat duduk Timbalan Yang di-Pertua oleh Bentara Parlimen]

## RANG UNDANG-UNDANG

## RANG UNDANG-UNDANG PENGANGKUTAN JALAN [PINDAAN]

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****3.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 bagi bacaan kali yang kedua.

Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau Akta No. 333 telahpun diluluskan di Dewan yang mulia ini pada Mesyuarat Ketiga, Penggal Pertama, Parlimen Ketujuh yang lalu. Ianya telahpun mendapat perkenan Di-Raja dan mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1988. Pindaan yang dicadangkan pada kali ini lebih merupakan kepada perkara-perkara teknikal untuk mengelakkan apa-apa keraguan dalam pentafsiran yang kurang jelas yang didapati di dalam Akta sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 2 dipinda dengan memasukkan takrif baru "Akta ini" yang menyatakan secara mutlak semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta. Dengan ini sebarang kekeliruan yang timbul berkaitan dengan peruntukan Akta yang dikatakan terpakai untuk Akta sahaja tetapi tidak meliputi perundangan subsidiari akan dapat diatasi. Sebelum ini ramai orang beranggapan bahawa Akta hanya dipakai untuk Akta sahaja. Jika ianya meliputi perundangan subsidiari, ianya perlulah dinyatakan. Adalah diharapkan pindaan yang dibuat ini dapat memberi penjelasan kepada semua pihak mengenai perkara ini.

Seksyen-sekayen 7, 17, 35, 66, 108, 119 dan 125 dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "berkaitan dengan apa-apa kaedah yang dibuat di bawah Akta 1987" kerana peruntukan ini telahpun dimasukkan di dalam tafsiran "Akta ini" yang saya nyatakan sebelum ini. Jadi, tak perlulah kita beritahu berulang kali dalam seksyen-seksyen tersebut mengenai perkara Akta juga meliputi kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya. Cukuplah dengan kita memaklumkan sekali sahaja di permulaan Akta, tetapi jelas.

Seksyen 66 dan 117 teks Bahasa Kebangsaan Akta ibu dipinda untuk menggantikan perkataan 'Merinyu' dalam subseksyen 1(xi) dengan perkataan 'Inspektor'. Penggantian ini adalah selaras dengan istilah yang digunakan dalam Akta Timbang dan Sukat 1972 yang menterjemahkan jawatan "Inspector of Weight and Measure" sebagai "Inspektor Timbang dan Sukat". Istilah yang diguna sebelum ini adalah "Merinyu Timbang dan Sukat". Perkara ini, sebenarnya lebih kurang sahaja, tetapi ianya penting diperjelaskan untuk mengelakkan keketiruan.

Seksyen 69 merupakan pembetulan kepada kesilapan kecil yang dibuat semasa penggubalan bagi rujuk birai atau dengan izin, marginal reference dalam teks Bahasa Kebangsaan. Terjemahan teks diguna dalam Akta 1987 yang belum dipinda adalah "had laju tempatan" bagi "speed limit". Pindaan terjamahan adalah untuk membetut kesilapan yang telah terlepas pandang semasa penyemakan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang telah saya kemukakan di Dewan yang mulia ini sebenarnya merupakan pindaan-pindaan kecil yang perlu dibuat kepada Akta 1987 untuk mengelakkan kekeliruan dalam memberi tafsiran kepada peruntukan-peruntukan yang terdapat di dalam Akta. Saya ingin memaklumkan di Dewan ini bahawa pindaan-pindaan yang dibuat tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua; Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bersama suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap. Dipersilakan Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon.

**3.43 ptg.**

**Puan Law Jack Yoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1988.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum kemalangan jalanraya telah merupakan satu masalah yang semakin serius di negara kita. Banyak nyawa telah kehilangan oleh kerana insiden-insiden kemalangan jalanraya. Kalau bukan kehilangan nyawa kebanyakan mangsa kemalangan juga mengalami kecacatan anggota yang teruk. Manakala mereka yang bernasib baik tidak akan mengalami kecederaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kes-kes kemalangan jalanraya yang menjadi-jadi menurut pandangan dan pemerhatian saya adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti yang berikut:-

- (i) Keadaan jalanraya yang kurang memuaskan seperti permukaan jalanraya yang berlubang, jalan yang terlalu sempit, jalan yang berliku-liku, permukaan jalan yang kurang rata dan sebagainya.



- (ii) Kekurangan pendidikan yang secara formal atau tidak formal untuk menyedarkan pengguna-pengguna jalanraya tentang langkah-langkah untuk menjaga keselamatan ataupun bersopan santun.
- (iii) Kemudahan jalanraya seperti lampu—lampu jalan, lampu isyarat dan papan tanda lalu lintas yang kurang memuaskan.
- (iv) Peraturan-peraturan jalanraya yang terlalu longgar dan tidak mencukupi untuk memberi hukuman dan amaran kepada pengguna jalanraya yang lalai.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya langkah-langkah seperti berikut adalah diselaraskan wajar untuk mengatasi masalah-masalah yang telah dinyatakan sebelum ini. Masalah keadaan jalanraya yang kurang memuaskan seperti permukaan jalan yang berlubang yang tidak rata boleh diatasi dengan mengadakan peraturan-peraturan yang ketat apabila menswastakan projek-projek pembinaan jalanraya ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor swasta. Kawalan kualiti projek pembinaan jalanraya sedikit sebanyak dapat mengatasi masalah tersebut.

Pada pandangan saya pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal adalah sangat penting demi melahirkan para pengguna jalanraya yang bersopan santun, bertata susila dan bertanggungjawab. Dengan langkah ini pengetahuan supaya menggunakan kemudahan jalanraya secara betul dan menanamkan sifat yang positif dapat dilakukan dengan bantuan alat-alat komunikasi, mass media seperti radio, televisyen, suratkbabar, risalah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dipercayai bahawa di sepanjang jalanraya lampu-lampu jalan, lampu isyarat dan papan tanda lalu lintas amat kekurangan di negara kita. Keadaan ini tidak sahaja menimbulkan ketidak senangan para pengguna jalanraya, malah ia akan mendatangkan bahaya kepada para pengguna jalanraya.

Adalah dirasakan bahawa dengan memperbanyakkan kemudahan-kemudahan tersebut terutamanya di kawasan di mana kesesakan lalu lintas dan kemalangan kerap berlaku pasti boleh mengurangkan kejadian-kejadian kemalangan jalanraya. Jumlah papan tanda dalam bentuk perkataan atau gambaran haruslah diletakkan di kawasan yang strategik di sepanjang lebuhraya, pekan dan bandaraya demi menyedar-kan para pemandu untuk memandu secara berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga menguatkuasakan undang-undang untuk mengetatkan lagi peraturan-peraturan jalanraya yang mana dapat, pada pendapat saya harus dipergiatkan untuk mengawal had laju lalu lintas terutamanya di mana kawasan-kawasan yang sering berlaku kemalangan jalanraya. Dengan adanya peraturan yang lebih ketat para pengguna jalanraya juga akan berhati-hati semasa memandu. Maka dengan itu kemalangan jalanraya juga dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin menyokong Rang Undang-undang Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1988. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff.

**3.49 ptg.**

**Tuan Haji Syed Abdul Hamid bin Sagaff:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan yang telah dapat melaksanakan Akta Pengangkutan Jalan dengan sempurna dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Jabatan Pengangkutan Jalan dan agensi-agensi penguatkuasaannya diberi kuasa, tetapi saya percaya masih terdapat masalah dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaannya sungguhpun Akta baru ini memberi kuasa yang lebih kepada mereka. Masalah yang dihadapi ialah oleh kerana terdapat dua Akta yang bersaing yang boleh digunakan oleh agensi-agensi penguatkuasaannya. Yang pertama ialah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan yang keduanya ialah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987.

Kedua-dua Akta ini merujuk kepada perundangan subsidiary yang dibuat di bawah Road Transport Ordinance, 1958. Oleh kerana Akta baru dan perundangan subsidiarinya yang lama tidak diseragamkan, maka ini akan menimbulkan masalah melaksanakan penguatkuasaan. Contohnya, Akta Penguatkuasaan Jalan 1987 memperuntukkan perundangan di mana pemandu-pemandu yang memandu kereta yang mabuk boleh didenda tidak melebihi \$2,000 atau penjara selama tidak lebih 6 bulan. Peruntukan ini mungkin tidak dapat dilaksanakan oleh kerana tidak ada kaedah mengenai proses penguatkuasaan pernafasan bagi orang-orang yang mabuk memandu kereta. Pendek kata, tidak ada kaedah ataupun alat-alat yang boleh mengesahkan si pemabuk.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi kuasa yang telah diperuntukkan seperti pemasangan *utilities* awam ke jalan-jalan yang ada pada masa ini. Masih belum terdapat kaedahnya pada masa ini. Sepatutnya pihak JKR hendaklah mengadakan kaedah atau perundangan subsidiary sejajar dengan Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini, saya berpendapat supaya perundangan subsidiary yang baru dengan kaedah-kaedah yang baru perlu disediakan dengan segera oleh Jabatan yang berkenaan supaya tindakan penguatkuasaan tidak akan bercanggah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Akta Seksyen 66 dan 117 pindaan perkataan "merinyu" kepada "Inspektoc" adalah tepat dan sesuai dengan Akta Timbang dan Sukat 1972. Dalam mengadakan alat penimbang maka ketentuan hendaklah dibuat supaya lebih banyak lagi alat-alat ini disediakan bagi memudahkan penguatkuasaan dijalankan. Ketentuan hendaklah dibuat supaya alat penimbang ini boleh dikongsi oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain yang menjalankan penguatkuasaan tidak sahaja JPJ yang mengadakan alat-alat timbang. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pihak Polis juga berbuat demikian. Maka satu cara penyelarasan yang boleh dibuat ialah mengadakan **titi** timbang hanya di Ibupejabat Polis Daerah kerana ini adalah lebih praktikal, dengan izin, dan boleh digunakan oleh semua agensi-agensi yang lain daripada menjimatkan perbelanjaan wang Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan yang diberikan maka saya dengan ini menyokong pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 supaya diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Habidah binti Jusoh .

3.54 ptg.

**Puan Rabidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang sebentar tadi yang mempunyai tujuan untuk mengkemaskinikan lagi pentadbiran dan perjalanan di Jabatan Pengangkutan Jalan di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan sepatutnya mengambil inisiatif untuk memberi kemudahan kepada masyarakat di kampung-kampung dan di desa-desa sesuai dengan pembangunan infrastruktur ataupun kemudahan asas, jalanraya-jalanraya rakyat yang telah ditarkan yang mana telah berkembang dan bercambah di sana sini di kampung-kampung pedalaman yang dahulunya masyarakat kampung menggunakan perahu-perahu kecil untuk datang ke bandar-bandar dan pekan-pekan. Tetapi kini lurah-lurah dan alur-alur sungai telah kering airnya kerana pembangunan perkampungan FELDA, FELCRA, KETENGAH dan sebagainya. Dengan adanya jalan-jalan di kampung-kampung maka masyarakat kampung terpaksa berjalan berbatu-batu untuk sampai ke destinasi ataupun ke tempat-tempat menunggu bas-bas di tepi-tepi jalan besar.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat terasa dengan kesulitan masyarakat kampung dengan tiadanya pengangkutan awam yang masuk melalui kampung mereka. Ini juga memberi peluang kepada teksi-teksi sapu atau kereta-kereta sapu mengambil kesempatan kerana kecuaiian Kementerian Pengangkutan untuk membuat sesuatu bagi membela nasib masyarakat di desa-desa.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan tiadanya kemudahan-kemudahan pengangkutan awam di kampung-kampung yang berhampiran dengan bandar atau pekan menyebabkan barangan usaha tani, masyarakat desa ataupun masyarakat kampung tadi tidak dapat dibawa ke bandar-bandar dan pekan kecil untuk diniaga tersendiri di pasar-pasar atau di pasar tani. Hal ini memberi peluang pula kepada orang-orang tengah yang dapat masuk dengan kenderaannya sendiri ke kampung-kampung untuk membeli hasil tadi dengan harga yang murah dan menjualnya dengan harga yang mahal. Oleh yang demikian, diharapkan kepada pihak Kementerian ini selain daripada meminda dan mengemaskinikan lagi Rang Undang-undang

ini maka perlulah juga difikirkan bagi mengadakan permit-permit khas untuk bas-bas kecil yang berjalan di kampung-kampung bagi memberi kemudahan kepada rakyat yang telah merdeka semenjak 30 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kemalangan jalanraya sepertimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Law Jack Yoon tadi, saya juga ingin menyentuh di sini iaitu oleh kerana sejak akhir-akhir ini kemalangan jalanraya begitu meningkat. Ini sedikit-sebanyak disebabkan oleh pihak Jabatan ini kurang mengambil tindakan terhadap pemandu-pemandu yang liar dan ganas di jalanraya. Sementelah lagi jalanraya-jalanraya kita ini masih lagi sempit, kurang sesuai dengan kemasukan kenderaan yang besar-besar dan panjang-panjang yang menyukarkan bagi kereta-kereta lain untuk memotong dan melalui jalan-jalan yang dilalui oleh lori besar dan trailer. Oleh itu, pihak JPJ dan JKR seharusnya mengadakan perbincangan antara pegawai-pegawai di peringkat Kementerian dan Jabatan untuk mengadakan sesuatu sistem yang selari antara kenderaan dan jalan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian pihak JPJ perlulah memperbanyakkan lagi pegawai-pegawai inspektor untuk menjaga dan mengendalikannya keselamatan para pengguna jalanraya kerana kepentingan pengangkutan amat diperlukan dalam kehidupan kita sehari-hari .

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pengangkutan barangan, jelas dapat kita temui di mana-mana pun di dalam zaman pembangunan ini masih lagi kedapatan lori-lori yang sarat dengan muatan batu-batu ataupun tanah-tanah, pasir, buah kelapa sawit dan sebagainya di mana bahan-bahan muatan itu tumpah jatuh di jalanraya-jalanraya kadang-kadang terkena kenderaan di belakang walaupun kita lihat tutupnya ada tetapi tidak memberi kesan. Seandainya Pegawai Pengangkutan Jalanraya ini diperbanyakkan, kemungkinan perkara-perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987 ini diluluskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng.

4.01 ptg.

**Dr. Tan Chong Keng:** Tuan Yang di-pertua, terima kasih diucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan untuk menyokong Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1988.

Izinkan saya memberikan pendapat saya kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan beberapa isu yang berkaitan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan. Baru-baru ini kita dapati bahawa adanya sindiket-sindiket yang menggunakan kad-kad pendaftaran kereta atau kenderaan yang palsu untuk mendapatkan pinjaman wang daripada



syarikat-syarikat kewangan, kemudian menghilangkan **dirt** menyebabkan kerugian yang besar kepada syarikat-syarikat kewangan yang tertentu. Perbuatan ini mengikut pandangan saya mesti dibuat dengan kerjasama sebahagian kakitangan yang tertentu daripada Jabatan Pengangkutan Jalan yang boleh memberikan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk menyediakan kad-kad pendaftaran kenderaan yang palsu itu. Tanpa pertolongan daripada kakitangan di dalam Jabatan Pengangkutan Jalan itu, saya berpendapat bahawa kerja memalsukan kad-kad itu adalah sangat susah dijalankan.

Oleh kerana itu saya menyeru kepada pihak yang berkenaan supaya mengambil langkah yang sempurna untuk memastikan bahawa tindakan seperti itu tidak diteruskan oleh sebahagian kakitangan Jabatan Pengangkutan Jalan yang tertentu. Oleh kerana tindakan-tindakan seperti itu semata-mata membawa kerugian kepada negara kita kerana ada kehilangan wang yang boleh dikutip daripada kenderaan-kenderaan yang tertentu.

Satu lagi perkara yang saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat ialah keperluan untuk seseorang tuannya kenderaan untuk membaharui kad pendaftarannya di negeri asal pendaftaran kereka ataupun kenderaan itu. Pada zaman komputer ini, saya berharap pihak yang berkenaan dapat menggunakan pertalian komputer untuk memberikan maklumat-maklumat secara data-base yang luas untuk dibekalkan kepada Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan di semua negeri apabila seseorang tuannya ingin membaharui kad pendaftaran keretanya di mana-mana satu pejabat atau ibupejabat di tiap-tiap negeri demi menyenangkan kerja membaharui itu. Kalau tidak tuannya itu perlu menghantarkan kadnya ke negeri asal untuk dibaharui dan semua

itu mengambil masa yang lebih panjang dan juga melihatkan perbelanjaan yang lebih tinggi.

Berkenaan dengan bahagian ujian pemandu-pemandu kereta ataupun kenderaan, kita selalu dengar ada kata-kata sama ada khabar angin atau khabar yang betul, bahawa tanpa memberi rasuah kepada penguji-penguji atau pegawai-pegawai ujian memandu, lesen memandu itu susah dikeluarkan atau diluluskan. Saya rasa berkenaan dengan aspek ini, sekolah-sekolah memandu itupun adalah disyaki mengambil bahagian dalam tindakan rasuah ini. Kita tidak tentu sama ada rasuah itu diberikan kepada kakitangan sekolah memandu ataupun kakitangan JPJ yang menjalankan ujian memandu itu. Saya harap pihak yang berkenaan boleh mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk memastikan bahawa tindakan seperti itu tidak diteruskan demi nama JPJ yang mulia itu,

Baru-baru ini kita dapati bahawa bilangan motosikal sangat-sangat melebihi bilangan kereta dan kenderaan dalam negeri kita ini. Oleh sebab itu kadang-kadang kita dapati bahawa kad-kad pendaftaran motosikal pun dipalsukan menjadi kad pendaftaran kereta apabila digunakan untuk menuntut pinjaman daripada syarikat kewangan swasta dan sebagainya. Saya ingin mengemukakan satu cadangan iaitu mengasingkan pendaftaran motosikal daripada pendaftaran kenderaan-kenderaan yang lain supaya motosikal-motosikal senang dikawalpasti apabila nombor-nombor mereka dikemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan. Tidak ada kemungkinan bahawa kad-kad mereka ini digunakan untuk membuat pegawai-pegawai tertentu mempercayai bahawa itu adalah kad pendaftaran kenderaan jenis yang lain.

Dalam kerja memproses bayaran yuran lesen, bayaran yuran-yuran yang lain oleh kerani-kerani kaunter di Jabatan Pengangkutan Jalan saya dapati bahawa orang ramai sudah mengemukakan sangat banyak pengaduan terhadap cara proses itu dijalankan. Orang ramai itu boleh dibahagikan kepada dua bahagian. Individu-individu yang ingin membayar yuran yang tertentu dan agen-agen yang ingin membayar yuran-yuran tertentu bagi pelanggan-pelanggan mereka. Agen-agen itu akan datang ke kaunter dengan beratus-ratus atau ratusan bilangan bayaran yang perlu diuruskan. Individu itu hanya datang dengan satu bayaran yang perlu dibayar. Tetapi biasanya, apabila mereka beratur di sana untuk menunggu giliran mereka tiba-tiba agen yang berkenalan dengan kerani kaunter itu akan melompat gilirannya dan memberi 100 borang untuk diuruskan. Oleh kerana itu kita dapati bahawa kerja membayaran yuran oleh orang ramai secara individu terganggu. Sampai akhirnya orang individu itu perlu memberikan kad atau borangnya kepada agen supaya boleh dibayar dalam masa yang singkat. Kalau tidak dia tidak dapat peluang kerana tiap-tiap kali dia menunggu, ada agen yang datang dengan banyak borang untuk diuruskan oleh kerani yang tertentu.

Saya rasa tindakan seperti itu adalah tidak adil kepada orang ramai kerana sudah tentu ada sedikit pertalian di antara kerani dan agen yang berbuat demikian. Saya tidak katakan bahawa rasuah tentu dijalankan di sana tetapi pertalian itu adalah tidak sihat. Kita minta kerani-kerani kaunter itu supaya membuat kerja mereka mengikut giliran orang ramai yang menunggu.

Berkenaan dengan cukai jalan yang kita bayarkan, baru-baru ini kita pun dapati juga ada sijil cukai jalan kereta yang dipalsukan. Sindiket-sindiket sangat cerdik dalam perkara-perkara seperti itu dan seperti saya katakan dahulu tanpa kerjasama sebahagian kakitangan daripada dalam saya rasa kerja memalsukan sijil-sijil tersebut itu susah dijalankan. Saya rasa ini adalah sangat tidak adil kepada pengguna-pengguna kereta kerana mereka bayar cukai jalan itu melalui agennya, agennya kemudian gunakan duit ini untuk kegunaannya sendiri tidak membayar kepada JPJ, tetapi keluarkan sijil-sijil cukai jalan yang palsu, tetapi siapa yang tahu sehingga pihak polis itu katakan: anda ini mempunyai satu sijil cukai jalan yang palsu yang terlekat pada tingkap kereta anda, saya pun tak tahu, awak pun tak tahu, siapa pun tak tahu sehingga pihak polis mengatakan demikian. Jadi kalau seseorang itu ditangkap mempunyai sijil cukai jalan yang palsu itu bukan kesalahannya, tetapi kesalahan agennya. Agen yang mendapatkan sijil cukai jalan yang palsu itu mesti didendakan. Saya rasa pada masa ini orang-orang yang mempunyai sijil cukai jalan yang palsu itu didendakan. Itu adalah tidak adil kerana mereka memang membayar cukai jalan itu melalui agen ataupun kepada JPJ sendiri. Ada orang yang membayar kepada JPJ aendiri tetapi masih dapat sijil cukai jalan yang palsu, macam mana ini boleh berlaku kalau kakitangan di dalam babagian JPJ itu tidak berpakat dengan sindiket di luar untuk mendapatkan keuntungan yang istimewa itu.

Saya rasa semua amalan yang buruk itu kalau pihak yang berkenaan boleh mengambil langkah yang tertentu untuk menyekat ataupun memeriksa ataupun menyelia tindakan seperti itu tidak dapat diteruskan. Kalau kita boleh berhentikan tindakan-tindakan yang

buruk seperti itu tentunya orang ramai pun beruntung, JPJ pun beruntung, semua pihak itu beruntung kerana duit itu tidak dimasukkan ke dalam poket sindiket-sindiket yang membuat kerja yang buruk itu,

Saya rasa JPJ adalah satu jabatan yang banyak untung, tetapi mengapa selepas mengutip cukai-cukai jalan dan yuran-yuran pendaftaran kereta kenderaan dan sebagainya yang semakin bertambah ini keadaan jalan-jalan di negara kita ini, terutama sekali di bahagian-bahagian kawasan yang tidak begitu mewah tidak dapat dibesar-besarkan. Ada jalan yang masih sama lebar seperti 10 tahun dahulu. Mengapa dalam 10 tahun ini duit-duit yang dikutip daripada pengguna kenderaan itu tidak dipakai untuk membesarkan jalan-jalan di kawasan itu, Saya tidak boleh faham mengapa dalam tempoh 10 tahun itu jalan-jalan di sesuatu kawasan itu masih seperti keadaan 10 tahun terlebih dahulu, takkan dalam 10 tahun itu tidak ada untung yang dibuat oleh JPJ ini yang boleh disalurkan kepada kerja memperbaiki ataupun memperluaskan lagi jalanraya di kawasan-kawasan yang berkenaan. Saya tidak percaya bahawa di dalam masa tempoh 10 tahun ini tidak ada tambahan pengguna-pengguna kereta ataupun pengguna-pengguna kenderaan jenis yang lain yang selalu membayar kepada jabatan itu. Dengan tambahan bayaran itu kita sebagai orang ramai, rakyat negara kita ini tentulah berharap Jabatan Pengangkutan yang berkenaan boleh memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai kerana duit itu bukan senang didapati oleh orang ramai tetapi orang ramai tiap-tiap tahun mesti membayar duit itu kepada Jabatan yang berkenaan. Malangnya kerja membina jalan itu bukan sahaja tanggungjawab JPJ tetapi sebenarnya adalah tanggungjawab JKR. Kalau dahulu orang kata Jabatan JKR itu "Jangan Kerja Rajin",

dengan izin, sekarang ini kita mesti cuba tukarkan imej ini supaya tiap-tiap kali ada permintaan daripada orang ramai berkenaan dengan membuat jalan, memperbaiki jalan, Jabatan itu mesti tunjukkan kebolehannya menyiapkan jalan-jalan itu dalam tempoh masa yang ditentukan. Jangan katakan jalan ini akan diperbaiki tahun depan, tetapi tahun depan itu ada tahun depan lagi dan tahun depan lagi. Janji-janji yang tidak boleh ditunaikan itu adalah satu 'stigma' yang tidak bagus bagi Kerajaan kita. Kalau kita selalu keluarkan janji, kemudian janji-janji itu tidak dapat ditunaikan sampai bilakah kita boleh meneruskan kerja bohong itu kepada orang ramai. Dengan janji-janji yang tidak boleh ditunaikan saya rasa semua itu menyusahkan kerja orang yang menjadikan Ahli Dewan Negara ataupun Ahli Dewan Rakyat, masing-masing kena dituduh, apa dia itu selalu cakap sahaja, buat tak boleh tetapi cakap berulang-ulang.

Oleh kerana itu, saya haraplah dengan duit yang dikutip daripada cukai jalan dan sebagainya, duit ini mesti disalurkan kepada Jabatan Kerjaraya untuk membina lebih banyak lagi jalan-jalan untuk perkhidmatan kepada orang ramai, terutama sekali di kawasan-kawasan di mana kita dapati banyak kereta sudah didapati dalam kawasan itu. Melalui pendaftaran kita boleh kenalpastikan kawasan-kawasan yang mempunyai bilangan kereta kenderaan yang tinggi. Kalau kita sudah dapati daripada data kita bahawa kawasan itu mempunyai bilangan kereta yang tinggi mengapakah kita tidak teruskan kerja membuat jalan dengan serta-merta tanpa diminta daripada orang ramai. Jangan tunggu sampai kita diminta oleh orang ramai baru kita mulakan kerja-kerja membina jalan ataupun selepas permintaan berulang-ulang daripada rakyat barulah kita katakan besok

ataupun tahun depan kita akan mencangkan pembinaan jalan tertentu dan sebagainya. Kita mesti katakan sekarang ini kita mesti buat kerana kita sudah tahu di kawasan itu ada ramai bilangan orang yang mempunyai kenderaan-kenderaan yang tertentu.

Jadi, oleh kerana saya tidak berpuas hati dengan isu-isu tersebut, saya menyuarakan isu-isu tersebut di dalam Dewan yang mulia ini dan saya ingin mendapat perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat berkenaan isu itu supaya Jabatan yang berkenaan boleh mengambil tindakan yang sesuai untuk membetulkan amalan-amalan yang tidak elok itu.

Saya akhirnya ingin memberikan sokongan saya yang penuh kepada Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1988. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul. Majid Abdullah, dipersilakan.

**4.19 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersama bangun untuk menyokong satu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Terlebih dahulu saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini tadi dan walaupun yang kita tahu tidak banyak yang dipinda tetapi untuk menguatkan lagi segala huraian dan penerangan-penerangan dalam Akta ini maka pindaannya telahpun dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal Jabatan Pengangkutan Jalan, saya sukalah menyentuh beberapa perkara.

Pertama ialah berhubung dengan kadar muatan bagi sesebuah kenderaan perdagangan yang menjalankan kegiatannya. Apa yang telah saya dapati dewasa ini banyak berlaku kenderaan-kenderaan yang membawa muatan lebih daripada hadnya dan masih berleluasa dan bermahajaralela di jalanraya dan tidak menghiraukan keselamatan orang lain ataupun pengguna jalanraya yang lain. Sebagaimana yang kata rakan saya tadi, memang benarlah daripada tindak-tanduk pengusaha-pengusaha ini boleh mengakibatkan kerosakkan kenderaan orang lain, umpamanya pecah cermin tetapi tidak dapat hendak membuat apa-apa, mereka selepas kejadian ini, kenderaan itu terus berlalu dan tidak ada tindakan yang boleh dibuat dan kadang-kadang kalau adapun berlaku pertengkaran-pertengkaran yang lebih menyulitkan. Kalaulah ada satu peraturan yang khusus bagi keadaan ini, rasa saya masalah-masalah ini akan dapati diatasi dan pihak-pihak yang terlibat dengan kenderaan yang pecah cermin ini dapat gantirugi daripada pengusaha-pengusaha ataupun lori-lori yang membawa muatan lebih seperti batu, tanah dan juga buah kelapa sawit yang kadangkala tidak ditutup langsung,

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Dewan ini telah meluluskan satu Rang Undang-undang Jabatan Pengangkutan Jalan yang berkaitan dengan takrif jalan di mana takrif jalan yang telah diluluskan termasuk bahu-bahu jalan. Tetapi sekarang ini masih kedapatan lagi lori-lori yang sarat muatannya apabil mendapati di hadapan mereka ada road block, sekatan jalanraya mereka berhenti bersusun-susun di tepi jalan dan tidak ada satu tindakan yang diambil terhadap kenderaan ini.



Saya rasa kalau undang-undang telah diluluskan dan masih juga berleluasa perbuatan ini tentulah orang ramai akan mengatakan kenapakah undang-undang yang telah dibuat ini tidak dilaksanakan. Bilakah lagi undang-undang hendak dilaksanakan? Jadi saya harap Kementerian yang berkenaan akan dapat mengambil perhatian supaya hal-hal seumpama ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan pejabat JPJ di negeri-negeri ataupun di daerah-daerah, saya juga ingin menyentuh dengan pejabat-pejabat ini yang boleh dikatakan di seluruh daerah di negeri Johor yang sentiasa penuh sesak dengan orang ramai yang berurusan dengan JPJ tetapi nampaknya setengah-setengahnya terutama di Johor Bahru, pejabatnya masih lagi sibuk dan sempit dan terpaksa kadang-kadang sampai keluar orang menunggu kerana hendak berurusan dengan JPJ. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat tadi kalau boleh bagi agen-agen ataupun wakil-wakil membawa lebih dari satu itu dikhaskan di satu kaunter dan tidak disamakan dengan orang ramai, yang hanya hendak menguruskan satu masalah sahaja ataupun satu perkara sahaja yang hendak diselesaikan. Kadang-kadang kalau hendak dapatkan satu borang terpaksa menunggu berjam-jam.

Seperkara lagi yang saya lihat ialah cara layanan oleh pihak petugas di JPJ berkenaan masih lagi kadangkala agak begitu kasar sedikit, kadang-kadang menengking, kadang-kadang marah seolah-olah kita ini datang menyusahkan mereka sahaja, sedangkan kita datang untuk berurusan untuk menyelesaikan masalah yang ada dan juga ini merupakan satu tanggungjawab untuk mengutip hasil Kerajaan bagi pihak JPJ setiap masa atau setiap hari yang diusahakan atau diuruskan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah memalsukan permit kenderaan pengangkutan atau perdagangan ini memang sentiasa berlaku dan saya mendapati ada setengah-setengah pengusaha yang terus terang menipu Kerajaan, mereka hanya ada lebih kurang 3 atau 4 permit, tetapi ia ada lori lebih daripada itu, dengan cukup teliti bertulis sama dengan yang dibuat oleh JPJ. Mereka menipu atau membohongi orang ramai, kononnya semua lori-lori mereka ada permit yang sah walhal 1 atau 2 sahaja yang mereka ada. Masalah yang timbul ialah para pekerja pengusaha-pengusaha ini kalau berlaku kemalangan siapakah yang hendak bertanggungjawab, sedangkan semua keadaan lori ini dengan tidak ada insuransnya, tidak ada cukainya dan tidak ada permit yang sah. Cerita-cerita ini masih terdapat yang perkara ini berlaku, mungkin seluruh negara kita hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada JPJ, khususnya Yang Berhormat Menteri, daerah Kota Tinggi negeri Johor yang merupakan satu daerah yang agak luas, termasuk daerah kecil Pengerang. Saya pernah juga menyebutkan hal ini pada sesi yang lepas. Saya merayulah kepada JPJ supaya diadakan satu pejabat JPJ di Kota Tinggi dan di sana juga diadakan juga pusat menguji pemandu-pemandu untuk mengeluarkan lesen memandu kepada pemandu-pemandu di sekitar daerah Kota Tinggi ini, kerana saya rasa sangat jauh untuk ke Johor Bahru, jauh untuk ke Mersing, jauh untuk ke Kluang. Di mana saya katakan tadi Pengerang adalah merupakan satu kawasan yang paling jauh di selatan Semenanjung, yang berhampiran dengan sempadan laut dengan negara jiran, Indonesia. Jadi seeloknyalah di Kota Tinggi itu ada pejabat JPJ bolehlah urusan-urusan itu dibuat oleh orang-orang dari daerah kecil Pengerang, Sedili dan sekitaran FELDA di sana berurusan lebih dekat dengan pejabat JPJ ini yang diwujudkan di Kota Tinggi itu. Kerana

saya katakan tadi di Johor Bahru merupakan suatu daerah yang jauh, yang begitu sesak pejabatnya, yang sentiasa tidak dapat menampung saya rasa urusan pengguna-pengguna setiap hari yang saya saksikan sentiasa sesak.

Tuan Yang di-Pertua, lori-lori perdagangan ini sentiasa mengambil peluang menjalankan kegiatan-kegiatan mereka ialah di waktu-waktu hampir sembahyang Jumaat, di waktu-waktu hampir waktu maghrib. Waktu-waktu **ini**, pada lazimnya, pada hemat mereka ialah kurang pandangan orang ramai, kurang kawalan penguatkuasa, mungkin polis pun agak pada hemat mereka tidak ada. Waktu inilah mereka menjalankan kegiatan mengisi muatan yang penuh, umpamanya lori balak, saya pernah kedapatan sebuah lori balak membawa balak lebih daripada 20 batang. Akibatnya bukan sahaja cukai dilarikan, mungkin juga tidak ada permit lori itu, tetapi jalanraya yang sepatutnya tidak boleh dilalui oleh kenderaan lebih 12 tan dilalui maka lori-lori ini akan merosakkan jalan ini dan akan menyusahkan pula pengguna-pengguna yang lain.

Saya berharap pada JPJ supaya masa-masa inilah seharusnya diawasi dan dikemaskan lagi penguatkuasa kita supaya dapat pengusaha-pengusaha yang sentiasa mencari peluang untuk menipu Kerajaan ini dapat dibanteras dan dibawa ke muka pengadilan. Saya juga mencadangkan supaya JPJ menyediakan seorang pegawai khusus untuk menerima aduan-aduan orang ramai di atas segala tingkah laku pengusaha-pengusaha lori, pengguna-pengguna jalanraya yang tidak mengikuti peraturan supaya dapat maklumat-maklumat ini disampaikan dengan cara yang detail dan membawa mereka ke muka pengadilan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang kereta-kereta sewa ataupun teksi, khususnya di bandar Kuala Lumpur, saya rasa Kuala Lumpur adalah sebuah ibu kota yang sibuk, yang menjadi tumpuan segenap pelancang, seharusnya kereta-kereta sewa ini diawasi untuk membarui lesennya. Kerana saya baharu, sahaja tadi datang ke Dewan ini menaiki teksi, tetapi saya rasa sudah sepatutnya teksi tersebut tidak lagi berjalan di atas jalan yang bunyinya sudah 1000 macam bunyi dan saya rasa kalau teksi ini di bawa ke Johor, sampai di Lebuhraya Seremban - Ayer Keroh, saya rasa mungkin agaknya rodanya sebelah ke lain dan badannya ke lain, kerana sudah tidak sanggup lagi rasanya hendak menampung jentera yang ada, bergegar sana sini, tetapi masih berjalan lagi. Itu kena kepada Ahli Dewan Negara seperti saya, tetapi kalau kena kepada pelancang-pelancang dari luar negeri, tentulah benda ini akan dibawa cerita ke luar bahawa kenderaan-kenderaan atau kereta sewa di bandar Kuala Lumpur ini agak menyedihkan dan memalukan kita sendiri. Diharap ini juga akan mendapat perhatian supaya kenderaan-kenderaan yang agak teruk sangat ini janganlah lagi diberi berjalan di atas jalanraya.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kalau boleh dimansuhkan sahaja ataupun dijadikan besi buruk dan dijual dengan cara serap, dengan izin, supaya boleh dijual sebagai besi buruk. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya melanjutkan perbahasan atas Rang Undang-undang ini, saya mohon izin untuk memberi sedikit masa bagi menyampaikan sedikit ucapan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menyambung perbahasan ini, izinkan saya mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi

penghargaan saya di atas perlantikan saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara oleh Dewan yang mulia **ini**. Ucapan terima kasih khas saya tujukan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri, yang telah memberi kepercayaan kepada saya. Tidak lupa juga saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Kasitah bin Gaddam yang mencadangkan dan juga Yang Berhormat Datuk Haji Hussein bin Ahmad yang menyokong serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah sudi menerima saya dalam jawatan ini.

Sebagai seorang baru saya berharap supaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan memberi kerjasama dan sokongan kepada saya supaya dapat saya menjalankan tugas saya dengan licin dan sempurna.

Bagi pihak saya sendiri saya berikrar akan menjalankan tanggungjawab dengan sepenuh jujur dan ikhlas bagi membantu Tuan Yang di-Pertua dalam segala urusan-urusan yang berkaitan untuk kebaikan Dewan ini.

Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang berkenaan, juga yang terlibat dalam perlantikan saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara **ini**. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho.

#### **4.34 ptg.**

**Tuan Tao Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Dato' kerana dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara pada petang **ini**.

Tuan Yang di-Pertrua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1987. Sebagaimana yang kita ketahui selepas pindaan Rang Undang-undang

tersebut, para pegawai JPJ akan diberi lebih kuasa untuk bertindak ke atas sesiapa yang didapati atau disyaki bersalah di jalanraya. Akan tetapi, saya berharap para pegawai tidak menyalahgunakan kuasa tersebut untuk mengelakkan timbulnya perselisihan faham atau rasa tidak puas hati di kalangan pemandu-pemandu kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, dirasakan had laju (speed limit), dengan izin, 30 kilometer sejam atau 50 batu sejam yang ditetapkan berpuluh-puluh tahun tidak sesuai lagi dikenakan ke atas kenderaan sekarang. Dalam masa 30 tahun yang lalu kuasa kuda injin setengah-setengah kenderaan tidak sekuat atau setinggi kenderaan sekarang, oleh itu had laju 30 kilometer sejam atau 50 batu sejam adalah sesuai dikenakan ke atasnya. Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi disebabkan kuasa kuda injin kenderaan sekarang lebih tinggi, had laju tersebut tidak sesuai lagi digunakan. Kalau ia terus digunakan, bermakna lebih ramai pemandu akan menerima saman disebabkan melebihi had laju yang ditetapkan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Kementerian Pengangkutan mengubahsuai had laju mengikut kehendak masa kini. Setahu saya had laju yang ditetapkan di 20 batang jalan di Kuala Lumpur sudah tidak sesuai lagi. Oleh **itu**, saya harap Kementerian Pengangkutan Jalan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan memberi perhatian terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masalah kemalangan jalanraya semakin serius, saya menyeru supaya kempen keselamatan jalanraya harus diperhebatkan, mutu jalanraya juga harus dipertingkatkan. Oleh **itu**, pihak Kementerian harus memastikan jalanraya selalu berada dalam keadaan yang sempurna dan baik.

Akhirnya, saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Pengangkutan dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**4.39 ptg.**

**Tuan Haji Hamid Araby bin Haji Md Salih:** Saya ingin mengambil kesempatan di sini menyampaikan tahniah kepada Dato' Tan Peng Khoo sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara di mana kita melihat perlantikannya tadi. Moga-moga dapatlah Dato' menjawatnya dengan baik.

Saya ingin menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan (Pindaan) 1987.

Tuan Yang di-Pertua, kempen khusus tentang tata tertib jalanraya telah diadakan oleh Kementerian Pengangkutan di mana kita melihat Timbalan Menterinya akan berada bersama-sama dengan pegawai-pegawai menyaksikan sendiri operasi dan kempen keselamatan jalanraya, menghampiri orang ramai dan memberi risalah-risalah supaya mereka mematuhi tata tertib jalanraya, supaya mereka memandu kereta dengan cermat dan sebagainya. Ada juga sekali-sekala kita lihat satu anugerah hadiah ataupun satu cenderamata diberi sebagai menggalak seseorang kerana mereka didapati mematuhi segala undang-undang jalanraya.

Sebaliknya saya sendiri tidak pasti sama ada apa yang dibuat itu memberi kesan yang diharap-harapkan.

Walau bagaimanapun, dalam hal ini saya ingin memberi sekalung bunga penghargaan dan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan kerana daya usahanya untuk memberitahu pemandu-pemandu kereta kewajipan mereka itu. Kita berpendapat soal disiplin sewaktu berada di jalau raya perlu diberi perhatian. Ini kerana apabila sesuatu kemalangan itu berlaku, kebanyakannya berpunca dari kecuaiannya para pemandu itu sendiri. Ia juga ada kaitan dengan kegagalan mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan. Misalnya, sekiranya para pemandu diingatkan supaya mengurangkan kelajuan di kawasan-kawasan bahaya, ingatan itu diabaikan. Bila tanda amaran had laju melalui sesuatu pekan kelihatan, tidak ramai yang mengikut arahan, malah ada di antara mereka yang menambah kelajuan. Begitu juga apabila berada di selekoh-selekoh dilarang untuk memotong tetapi kebanyakan pemandu tidak menghiraukan isyarat yang telah ditetapkan, sebaliknya di tempat-tempat bahaya ini mereka menunjukkan lagak mereka untuk memotong kereta di hadapan. Ego jelas menguasai diri mereka. Kesopanan diketepikan, mereka menjadi pengguna jalan raya yang tidak bertertib sedangkan sewaktu belajar memandu mereka berjanji pada diri mereka untuk mematuhi segala isyarat jalan raya.

Dengan ini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat kerjasama Polis supaya mengadakan banyak 'speed-trap' di mana mereka ini didenda serta-merta dan juga denda mereka ini yang tidak mengikut peraturan-peraturan di jalan raya. Saya lihat ada negeri-negeri seperti di Eropah dan Amerika, serta-merta tiket diberi, dendanya bukan murah, minimum US\$50. Kalau didapati



mereka ini had laju lebih, US\$100 mesti bayar di tempat itu juga, kalau tidak letak kereta ke tepi situ, pemandu-pemandu perlu telefon kepada saudara-maranya supaya membawa duit membayar di situ. Itu satu cara hukuman atau punishment, dengan izin, yang diberikan. Jika cara pendekatan (approach) kita ini dengan cara baik, nasihat, beri brochure begitu begini, banyak kempen dijalankan, saya tidak menyalahkan Kementerian, saya hendak menyalahkan pemandu kereta. Dan banyak tuduhan diberi konon Akta itu tidak betul, ini tidak ada, dalam Kementerian begitu dan begini. Sebaliknya denda yang dikenakan bagi saya tidaklah begitu memuaskan.

Polis pun bukan selalunya menjalankan operasi menahan mereka yang memandu kereta dengan lebih had lajunya. Baru-baru ini semasa saya datang ke sini, saya lihat satu operasi di Jambatan Pulau Pinang. Syabas saya ucapkan kepada Polis. Pukul 12.30 pagi mereka duduk di situ, kebanyakan yang membawa kereta itu laju, pemandunya laju, mereka dapat tiket. Saya lihat dengan mata kasar, saya berhenti, saya tengok dan saya tanya, "Macam mana?" Dia kata, "Bagus, business bagus". Ini perlu kita jalankan lebih kerap bukan sahaja macam di tempat-tempat yang kita tahu had lajunya, kita tahu pemandu akan membawa kereta dengan laju tetapi di tempat-tempat khususnya di pekan besar di mana pemandu tidak menghiraukan tata-susila di jalan raya. Kita lihat di kaca TV cara mana memandu kereta dengan betul, cara mana tidak tetapi ini tidak akan memberi kesan kepada pemandu.

Biarlah pemandu marah kepada Kementerian yang berkenaan kerana banyak sangat mereka kena bayar denda selain daripada mereka bayar cukai jalan. Inilah satu cara yang saya fikir boleh mengurangkan kemalangan jalan raya.

Satu lagi kalau boleh Kementerian berkenaan mintalah mewujudkan satu jalan lorong bebas (free-way) di jalanraya yang besar, lebuh-raya misalannya, khususnya untuk kereta-kereta ataupun bas-bas ekspres dan motokar yang passengernya penuh. Kalau motokar itu boleh bawa 4 orang maknanya kereta itu mesti mahu ada 4 passengers, lorong 'free-way' dibenarkan kereta itu lalu, kereta lain tidak dibenarkan sepertimana di Amerika Syarikat kita lihat. Ini membawa banyak kemudahan. Kita ada lihat hari ini di Jalan Tuanku Abdul Rahman, khusus ada satu jalan di mana jalan bas, mini bas diadakan tetapi itu bukannya 'free-way', biasanya bas-bas lain, kereta lain juga menggunakan jalan ini. Kalau boleh dapat jalan yang seperti ini saya fikir kita boleh mengurangkan sedikit. Itu kita beri keutamaan kepada kereta-kereta yang passengernya penuh ataupun bas-bas ekspres, bas mini sudah tentu dia akan gunakan 'free-way'.

Barangkali, Tuan Yang di-Pertua, orientasi baru dalam kurikulum belajar memandu kereta perlu dibuat. Tekanan yang lebih besar harus diberikan kepada ketertiban di jalan raya sewaktu ujian memandu kereta diadakan seperti yang dibuat di England. Di negara kita keputusan untuk meluluskan ujian memandu kereta tidak ditentukan sama ada mereka menjalani ujian boleh meletakkan kereta dengan baik dalam petak yang disediakan atau mengawal kenderaan sewaktu berada di atas bukit. Tekanan yang diberikan ialah terhadap kesopanan di jalan raya sama ada orang itu memberi laluan kepada pejalan kaki di tempat menyeberang 'zebra' dan rasa hormat yang mereka tunjukkan kepada nyawa mereka sendiri dan pada nyawa orang lain. Kalaulah ini juga kita dapat usahakan, saya fikir sedikit sebanyak membukakan fikiran khususnya pemandu-pemandu dan pengguna jalan raya.

Jadi dengan ini saya memberi sokongan penuh kepada Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pengangkutan Jalan, 1987. Terima kasih,  
4.48 ptg.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Akta Pengangkutan Jalan ini khususnya pindaan yang telah dikemukakan untuk diluluskan oleh Dewan **ini**.

Bagi menjawab dan memberi penjelasan-penjelasan, saya inginlah menyatakan bahawa dari segi kemalangan jalan raya memanglah berbagai usaha telah dijalankan oleh pihak Kementerian dan Jabatan-jabatan yang di bawahnya dan juga Jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Polis, Jabatan Kerjaraya bahkan pihak pertubuhan-pertubuhan sukarela dan badan-badan swasta juga mengambil bahagian bekerjasama dalam kempen-kempen yang dianjurkan.

Sebenarnya Kempen Keselamatan Jalanraya berjalan sepanjang tahun. Biasanya mesyuarat agong tahun Majlis Keselamatan Jalanraya yang biasanya diadakan pada akhir bulan Jun tiap-tiap tahun melancarkan juga, Menteri Pengangkutan melancarkan kempen untuk setahun yang akan datang dan tema-tema dipilih dan setiap badan yang bertanggungjawab menjalankan kempen-kempen tersebut seperti ada Yang Berhormat nyatakan tadi bahawa ada kempen-kempen sekatan jalan di mana kadang-kadang Menteri atau Timbalan Menteri ada bersama-sama untuk menyaksikan kerja-kerja itu dijalankan.

Usaha-usaha dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan bagi mengurangkan kemalangan di jalanraya, rasa saya eloklah juga saya sebutkan di sini iaitu selain daripada kempen-kempen keselamatan yang dijalankan khususnya pada musim-musim perayaan seperti Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Hari Raya Krismas dan sebagainya, kita juga memberi maklumat dan nasihat mengenai keselamatan jalanraya yang disebarkan melalui media televisyen dan akhbar, mengeluarkan filem-filem keselamatan jalanraya untuk ditayangkan melalui televisyen dan oleh Unit Bergerak Jabatan Penerangan di neger-negeri. Tindakan penguatkuasaan yang tegas juga diambil oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga oleh pihak polis seperti ada Yang Berhormat mengatakan tadi melihat keadaan ini dilaksanakan.

Begitu juga sistem KEJARA yang telah diperkenalkan sejak 1hb. Januari, 1984 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan disiplin para pemandu dan mengurangkan kadar kemalangan jalanraya masih lagi berjalan dan dilaksanakan. Begitu juga pelaksanaan borang laporan kesalahan lalu lintas jalan oleh pegawai kumpulan A, dan ini ialah kumpulan pegawai-pegawai dalam kumpulan A di dalam Kerajaan boleh membuat laporan kesalahan lalu lintas melalui satu borang yang boleh dikemukakan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan dan kemudiannya boleh diambil tindakan.

Kementerian juga melalui Majlis Keselamatan Jalanraya telah mengeluarkan Buku Panduan Pendidikan Keselamatan Jalanraya untuk rujukan dan panduan di sekolah berkaitan dengan pengajaran dan pendidikan keselamatan jalanraya dan menyediakan kurikulum baru

sekolah memandu supaya mewujudkan pemandu-pemandu yang bukan sahaja mahir memandu tetapi juga memandu secara berhemat dan tahu tentang cara mengelakkan kemalangan di samping mengadakan dialog, ceramah dan kursus untuk semua peringkat pengguna jalanraya dan mengadakan seminar keselamatan jalanraya untuk bertukar fikiran mengenai cadangan-cadangan baru untuk membanteras masalah keselamatan jalanraya juga menggalakkan pihak swasta memainkan peranan yang lebih aktif untuk menjalankan program sendiri ataupun membiayai program untuk keselamatan jalanraya. Ini termasuklah badan-badan sukarela dan persatuan-persatuan belia dan sebagainya.

Majlis Keselamatan Jalanraya juga menggalakkan penubuhan kelab-kelab keselamatan jalanraya di sekolah-sekolah dan juga jawatankuasa keselamatan jalanraya di peringkat daerah serta dalam kawasan perumahan untuk mendapatkan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam usaha mengurangkan kemalangan jalanraya.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah memang menyedari bahawa pernah saya mengatakan yang tersiar dalam akhbar bahawa pemandu-pemandu Malaysia adalah di antara yang terburuk sekali di dunia kerana ini berasaskan bahawa 92.83% kemalangan yang disebabkan oleh kesalahan pemandu iaitu:

33.16% memandu dengan tidak berhati-hati, (cuai);

14.87% memandu terlalu laju;

10.87% memandu cara merbahaya; dan

0.1% membawa muatan lebih .

Jadi, dari segi muatan lebih itu tidaklah begitu banyak tetapi saya manang bersetuju bahawa membawa muatan lebih itu boleh membahayakan bukan sahaja kepada pemandu lori itu sendiri tetapi kepada pengguna-pengguna jalanraya yang lain.

Saya sendiri juga mengalami bahawa seketul batu jatuh menimpa cermin kereta saya dalam perjalanan ke Johor Bahru. Jadi saya memahami sangatlah keadaan kerana saya jugalah salah seorang pengguna jalanraya .

Ahli-ahli Yang Berhormat memanglah langkah-langkah yang kita jalankan ini sedang berjalan dan kita sangat-sangat berharap bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sama-sama dapat memberikan sokongan dalam kempen ini di kawasan masing-masing agar ianya lebih berkesan.

Mengenai masalah permukaan jalan, jalan sempit, berliku-liku dan sebagainya yang disebutkan oleh Senator Puan Law Jack Yoon tadi memang masalah kejuruteraan jalan ini adalah tanggungjawab Jabatan Kerjaraya dan juga Lembaga Lebuhraya Malaysia. Ini tidak dilepaskan daripada perhatian kami semua kerana di Mesyuarat Agung MKJR yang baru lalu, satu kertas kerja khas mengenai kejuruteraan jalan ini telahpun dibentangkan dan dibincangkan dan rumusan-rumusan telah dibuat .

Mengenai tanda-tanda dan lampu-lampu jalan dan sebagainya, rasa saya bolehlah dikatakan memuaskan sepanjang saya dalam perjalanan itu dan sekiranya ada pula terlindung oleh pokok dan sebagainya, saya berharaplah Yang Berhormat semua memberikan kerjasama supaya melaporkan perkara-perkara itu ataupun ada di antaranya yang telah tumbang mungkin terlepas pandang oleh pihak-pihak yang berkaitan, haraplah dapat diberikan laporan.

Mengenai hukuman yang dikatakan ringan , rasa saya selepas kita menguatkuasakan Akta Pengangkutan Jalan 1987 hukuman semua sudah bertambah berat . Jadi kalau hendak dikatakan hukuman itu ringan, tidaklah ringan kalau dibandingkan dengan semasa Peraturan-peraturan Lalulintas Jalan ini di bawah Ordinan Lalulintas Jalan 1958.

Dari segi pendidikan, memanglah yang telah menyebut tadi **ber-**bagai-bagai cara telah kita laksanakan dan memanglah kita herharap ianya akan dapat memberikan kesan kepada semua pihak, maka itulah sebabnya kita sekarang ini bermula di sekolah di mana kita hendak kelab-kelab keselamatan jalanraya ditubuhkan di semua sekolah supaya anak-anak kita akan menjadi pengguna jalanraya apabila mereka dewasa kelak dan masa mereka kecil lagi pun mereka sebagai pengguna jalanraya sama ada berjalan kaki ataupun menaiki motosikal, menaiki bas dan sebagainya mestilah mereka dilatih.

Yang Berhormat Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff telah menyebut mengenai perundangan subsidiary yang dikatakan tidak meliputi Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Kedua-dua Akta ini adalah asalnya di bawah Ordinan Lalulintas Jalan tetapi sekarang telah diasingkan sebagai dua Akta yang berasingan iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

Sebenarnya perundangan subsidiary masih wujud. Kaedah-kaedah lama masih berjalan kuatkuasanya sehinggalah kaedah-kaedah baru bagi peruntukan-peruntukan baru sedang pun diproses dan akan dilaksanakan. Oleh kerana itu tidak bererti bahawa apa yang telah kita luluskan dalam Akta Pengangkutan Jalan tidak dapat dilaksanakan.

Mengenai alat penimbang, memang kita tidak pada masa ini mempunyai kemampuan untuk meletakkan alat penimbang di sepanjang jalan

tetapi ianya diadakan di tempat-tempat tertentu di mana pihak Polis dan JPJ juga boleh menggunakan alat-alat penimbang itu dan saya menyambut baiklah satu cadangan daripada Persatuan Kenderaan yang ada saya dengar dahulu bercadang untuk mengadakan alat timbang mereka sendiri sebagai quality control untuk menentukan ahli-ahli Persatuan Kenderaan tersebut tidak melebihi had muatan seperti dicatatkan dalam permit-permit mereka.

Kepada Yang Berhormat Puan Habidah Jusoh, saya mengucapkan terima kasih atas tahniah yang diberikan tetapi selepas itu Yang Berhormat juga membawa rungutan-rungutan. Terima kasih juga atas pandangan-pandangan yang diberikan. Saya bersimpati dengan kawasan-kawasan luar bandar yang tidak mempunyai kenderaan awam tetapi permit untuk kenderaan awam bukan di bawah kuasa Kementerian Pengangkutan, ianya adalah di bawah kuasa Kementerian Perusahaan Awam dan mana-mana pihak yang ingin menguruskan dan mengendalikan bas atau teksi hendaklah manbuat permohonan kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang diletakkan di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

Mengenai kes sapu, ia, itu JPJ punya kerja untuk menyapu mereka pula atau disaman mereka itu supaya mereka tidak menjalankan usaha-usaha kereta sapu.

Mengenai cadangan permit khas bas kecil itu juga, saya harap dapatlah merujuk atau dikemukakan pandangan itu kepada Kementerian Perusahaan Awam.



Kemalangan jalanraya sebenarnya kalau dibandingkan antara tahun 1986 dengan 1987 menurun, tetapi sedikit sahaja iaitu sebanyak 7% sahaja ianya menurun. Tetapi ini tidak bererti bahawa kita tidak termasuk dalam 'top 10' dalam dunia. Kita masih lagi duduk dalam lingkungan itu dan di peringkat ASEAN pun kalau tidak silap saya kita adalah di tahap yang ketiga banyaknya kemalangan. Jadi, memang usaha-usaha kita terus sentiasa jalankan terhadap masalah ini.

Mengenai jalan-jalan sempit, keadaan permukaan jalan yang tidak sempurna semuanya itu memang sentiasa dalam kajian pihak-pihak yang bertanggungjawab sama ada Lembaga Lebuhraya Malaysia ataupun Jabatan Kerjaraya sendiri. Saya berharap sesiapa juga yang mendapati keadaan sedemikian, dapatlah membuat laporan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Dr. Tan Chong Keng telah menyatakan bahawa terdapat sindiket memalsukan kad pendaftaran dan juga cukai jalan atau lesen kenderaan motor. Pada satu masa dahulu dalam tahun 1987 memang hebohlah mengenai perkara ini. Bagi mengatakan bahawa pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ada bekerjasama, rasa saya itu tidak benar kerana tidak ada bukti-bukti dari laporan pihak Polis yang mengatakan demikian dan cukai jalan atau kad pendaftaran kenderaan yang ada pada JPJ yang dikeluarkan oleh JPJ mempunyai ciri-ciri keselamatan yang sukar hendak ditiru oleh mana-mana pihak sama ada sindiket ataupun orang perseorangan. Kalau mereka dapat meniru, kalau mereka ini ada bekerjasama dengan pegawai-pegawai JPJ sendiri, sudah tentulah cukai jalan dan kad-kad pendaftaran itu tidak dapat dikesan.

Bagi membaharui kad pendaftaran di negeri lain, sebenarnya rancangan Jabatan Pengangkutan Jalan dan pihak Kementerian memang hendak mengkomputerisekan keseluruhan JPJ di negara ini tetapi ianya tidak dapat dilaksanakan serentak ataupun belum lagi dapat dilaksanakan, tetapi dalam JPJ Lembah Kelang ianya telahpun diadakan dan insya Allah apabila kita mendapat peruntukan tambahan dapatlah kita laksanakan walaupun ianya peringkat demi peringkat.

Mengenai rasuah yang bersabit dengan ujian kenderaan dan ujian pemandu, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan telah mengadakan beberapa cara untuk mengelakkan pakatan di antara pegawai-pegawai di dalam ujian-ujian tersebut. Untuk mengelakkan mereka berbuat demikian iaitu mendapat rasuah, dari segi sama ada ujian kenderaan ataupun ujian pemandu, seorang pegawai mengendalikan hanya satu bahagian sahaja dan pegawai lain mengendalikan bahagian lain, seterusnya bagi empat bahagian, empat orang mengendalikannya dan yang akan mengira markah ialah satu panel yang lain. Dengan cara ini kita dapat mengelakkan pakatan ataupun penerimaan rasuah kerana seseorang yang menguji itu tidak berkuasa sendiri untuk menentukan sama ada seseorang itu lulus ataupun tidak. Saya dapati dalam lawatan saya ke Jabatan Pengangkutan Jalan di Negeri-negeri dari segi kadar lulus ujian pemandu ini terdapat lebih kurang dalam 60% ke 70% sahaja lulus daripada seluruh ujian. Kalaulah usaha kerja-kerja rasuah dijalankan, rasa saya mungkin ianya lebih lagi daripada itu. Jadi, dengan cara ini saya yakin bahawa ianya tidak melibatkan rasuah.

Mengenai cadangan dibezakan kad-kad pendaftaran motosikal dengan kad pendaftaran kereta, rasa saya ini akan dikaji sama ada ianya munasabah dilaksanakan atau ianya akan dapat memberikan pertolongan seperti yang kita harap-harapkan.

Mengenai layanan, memang pegawai-pegawai Kerajaan dikehendaki nelayan sesiapa juga dengan sopan-santun. Memang itu etika kerja kita. Tetapi mungkin agaknya kalau ada satu dua yang berbuat demikian, saya harap dapatlah mereka itu dilaporkan secara khusus tidak secara umum supaya mereka yang melakukannya sahaja kita ambil tindakan kerana saya dapati bahawa lebih ramai yang berkelakuan baik yang bersopan-santun daripada yang tidak bersopan-santun itu.

Begitu juga mengenai pembayaran yang dibuat di kaunter-kaunter, sebenarnya memang ada sistem iaitu dibenarkan individu memohon membaharui cukai jalan ataupun lesen memandu dan juga dibenarkan kumpulan-kumpulan. Kalau seorang individu hendak membaharui lesen memandu, seseorang itu tidak boleh membaharui lebih daripada dua lesen. Kalau kurapulan khas, macam yang di bawa oleh agen-agen, ini biasanya diberikan satu kaunter khas, Jadi, kalaulah terjadi perkara ini mungkin agaknya itu satu kecuaiian di pihak pegawai yang menjalankan tugas.

Mengenai kad pendaftaran palsu tadi yang telah dapat menipu syarikat-syarikat kewangan, saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pihak juga kalau mereka mensyaki ada pemalsuan hendaklah melaporkannya kepada pihak Polis ataupun melaporkan kepada JPJ supaya dapat ditentukan sama ada kadkah, lesen kenderaan motorkah ataupun lesen memandu sama ada ianya benar-benar palsu ataupun tidak.

Yang Berhormat itu tadi ada menyatakan bahawa JPJ buat banyak untung setelah kutip cukai-cukai jalan dan macam-macam bayaran katanya, tetapi tidak membaiki keadaan jalan dan banyak juga jabatan kadang-kadang berbohong kepada orang ramai, janji tidak ditepati,

katanya. Sebenarnya keadaan jalan seperti yang telah saya sebut tadi bukanlah tanggungjawab Kementerian Pengangkutan tetapi memang sebenarnya Lembaga Leburhaya Malaysia, Jabatan Kerjaraya dan semuanya dari masa ke semasa membuat kajian dari segi kesesakan dan kegunaan sebatang jalan itu. Kalau didapati bahawa jalan itu lebih banyak lagi kenderaan melaluinya atau menggunakannya maka rancangan menaikkan tarafnya akan dibuat. Ini bergantunglah juga kepada peruntukan yang didapati. Sebenarnya semua jabatan merancang pembangunan jabatannya tiap-tiap tahun. Untuk melaksanakannya bergantung kepada peruntukan yang dapat diberikan oleh pihak Kerajaan. Jadi, ada kalanya oleh kerana agaknya didapati bahawa satu-satu jalan itu kurang priority atau keutamaannya maka ia terpaksa ditangguhkan.

Yang Berhormat Haji Abdul Majid telah mengatakan bahawa pejabat-pejabat negeri dan daerah JPJ penuh sesak dengan orang ramai dan ini menyusahkan orang ramai yang hendak mendapatkan perkhidmatan. Kami menyedari dan berusaha meningkatkan lagi keadaan di semua jabatan tetapi dalam satu-satu tempoh memandangkan keadaan kewangan negara pada masa ini kita hanya dapat melaksanakan beberapa pembangunan atau penambahan jabatan-jabatan. Oleh kerana itu, ada jabatan-jabatan yang terpaksa ditangguhkan penambahannya kepada tahun hadapan dan saya sangat berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat semua faham akan perkara ini.

Yang Berhormat juga ada menyebut mengenai takrif jalan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang termasuklah bahu jalan, lorong atas, bawah dan sebagainya. Memang saya sendiripun ada melihat bahawa kalau ada sekatan jalan ada lori-lori yang berhenti di tepi jalan kerana mereka takut hendak melalui sekatan jalan itu disebabkan beberapa kesalahan kepada mereka. Sebenarnya pihak yang membuat sekatan jalan, Pegawai-pegawai Penguatkuasa berhak menyaman lori-lori itu atas apa juga kesalahannya walaupun dia diletakkan di tepi jalan. Saya tanya juga, kenapa kadang-kadang lama baru hendak dapat diambil tindakan. Pemandu-pemandu lori ini, dia ambil cukai jalan, dia lari meninggalkan lorinya. Jadi pihak penguatkuasa kena tunggu-lah sampai masa dia balik mengambil lori. Itulah di antara keadaan-keadaannya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan terus kita jalankan.

Mengenai layanan di Pejabat JPJ, cadangan Yang Berhormat itu tadi supaya ada pegawai menerima aduan. Sebenarnya di semua Pejabat JPJ ada dikhaskan pegawai yang menolong orang ramai, iaitu kalau dia tidak faham bagaimana cara hendak membuat sesuatu itu, dia boleh bertanya kepada pegawai tersebut dan apa borang yang hendak diisi pegawai akan menunjukkannya, tolong dia isikan borang-borang itu dan mengarahkannya ke mana patut dia pergi. Begitu juga menerima aduan, pegawai boleh menerima aduan daripada orang ramai dan sekiranya ia boleh diatasi pada masa itu juga, pihak jabatan akan mengatasinya.

Mengenai teksi yang ada di Kuala Lumpur, sebenarnya semua kenderaan perdagangan mesti diperiksa dalam tempoh tertentu dan semasa pemeriksaan atau ujian kenderaan ini dijalankan, sekiranya didapati ianya tidak mencapai taraf road-worthiness, dengan izin,

ianya tidak diberikan lesen semula. Inilah cara kita menyekat dan perkara ini tidak dapat dielakkan oleh mana-mana kenderaan perdagangan sama ada lori ataupun teksi .

Yang Berhormat Tuan Tan Chai Ho telah menyebut mengenai had laju yang out-dated, dengan izin. Sebenarnya Kementerian Pengangkutan dan pihak-pihak jabatan yang berkenaan telah menubuhkan satu jawatankuasa mengkaji keadaan jalan-jalan di sekitar Wilayah Persekutuan terutamanya yang memang didapati sepanjang masa kenderaan-kenderaan yang lalu itu melebihi had laju yang telah ditetapkan. Memandangkan bahawa mutu jalan tersebut, keluasannya, panjangnya dan sebagainya telahpun meningkat lebih baik daripada dahulu, memanglah ada dicadangkan oleh jawatankuasa supaya had laju ini dikaji semula dan dinaikkan sepatutnya sebagai yang sesuai. Tetapi kuasa untuk menukar had laju mana-mana kawasan ini, kalau di Bandaraya terpuang kepada Datuk Bandar yang akan memutuskan dan akan menggazetkan. Begitu juga di pekan-pekan atau bandar-bandar di mana Pihak berkuasa Tempatan yang berkuasa untuk melaksanakannya. Bagi pihak kami mencadangkan .

Kepada Yang Berhormat Senator Abdul Hamid Araby, saya mengucapkan banyak terima kasih. Beliau telah banyak menolong saya menjawab masalah-masalah dari segi keselamatan jalanraya, kempen-kempen keselamatan jalanraya, perangai pemandu dan juga denda-denda yang patut ditingkatkan dan didenda serta merta.

Sebenarnya dari segi denda apabila Akta Pengangkutan Jalan 1987 dikuatkuasakan, kita dapati bahawa denda compound yang minima dahulunya \$100 sekarang sudah dinaikkan kepada \$300 dan pengalaman saya terutamanya di musim perayaan, pejabat saya seboklah didatangi

oleh ramai orang yang telah kena saman. Ada yang kena saman \$200 ada yang kena saman \$300. Ada di antaranya yang hampir menangis mengatakan, "ini hampir hariraya, anak saya belum beli lagi baju raya, ini sudah kena saman \$300." Tetapi saya terpaksa bertegas, saya kata saya minta maaf dan itu adalah mengikut undang-undang dan denda itupun adalah mengikut kesalahan-kesalahannya, bukan semua pula didenda terus maksima \$300. Tetapi ini ternyata apabila ramai datang mencari saya hendak minta tolong, ternyata bahawa penguatkuasaan sedang berjalan dengan lancar. Saya rasa dari segi denda itu sudah ada kesannya .

Cadangan hendak mewujudkan freeway, cadangan ini akan saya kemukakan kepada pihak yang berkenaan iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia dan juga Jabatan Kerjaraya.

Di mana-mana yang saya tidak dapat memberi ulasan atau tidak sempat menjawabnya tadi, saya mengambil perhatian kerana semuanya telah saya catit dan saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 6 diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang .

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PELESENAN KENDERAAN  
PERDAGANGAN (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**5.20 ptg.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dibaca untuk kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda beberapa peruntukan dalam Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987. Pindaan-pindaan ini adalah perlu bagi memperkemas dan memperlengkapkan lagi peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta ini .

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 adalah merupakan suatu Akta yang berkaitan dengan pelesenan dan pengawalseliaan serta penguatkuasaan kenderaan-kenderaan perdagangan di bawah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan di Kementerian saya. Akta ini mula berkuatkuasa pada 1hb Januari, 1988 bagi menggantikan Bahagian 5 Ordinan Lalulintas Jalan 1958 yang berkaitan dengan Pelesenan Kenderaan-kenderaan Perdagangan.

Setelah Akta ini dikuatkuasakan, terdapat beberapa perkara teknikal yang perlu dijelaskan dengan nyata. Ini memerlukan beberapa pindaan kepada Akta ini.

Untuk memperkemas Akta ini supaya lebih jelas dan teratur, beberapa takrif baru pindaan dan peruntukan-peruntukan tambahan telah dimasukkan ke dalam Akta ini. Ini bertujuan untuk mengelakkan keraguan dalam mentafsirkan perkataan-perkataan atau peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta ini.



Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya Rang Undang-undang ini telah memasukkan takrif baru dan menambah beberapa perkataan di bawah Fasal 2 supaya menjelaskan maknanya dengan nyata. Antaranya ialah dengan meminda takrif 'bas mini' untuk mencerminkan amalan sekarang yang membenarkan 26 penumpang yang mana juga adalah termasuk pemandu bas. Di samping itu, Fasal 2 juga memasukkan takrif baru iaitu 'Ketua Pegawai Polis' yang bermaksud mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor yang diberi kuasa secara bertulis oleh seorang Ketua Pegawai Polis untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diberi kepada pegawai polis itu. Takrif 'pegawai polis' juga dimasukkan dalam Fasal ini. Ini adalah bertujuan untuk menjelaskan takrif Ketua Pegawai Polis dan pegawai-pegawai polis yang diberikan kuasa-kuasa tersebut di bawah Akta ini. Selain daripada pegawai-pegawai polis biasa takrif 'pegawai-pegawai polis' juga termasuk pegawai-pegawai polis tambahan, pegawai polis sukarelawan, simpanan dan pegawai polis bantuan. Sesungguhnya mereka ini adalah layak diberikan kuasa untuk melaksanakan tugas sebagai pegawai-pegawai polis seperti yang dikehendaki di bawah Akta ini. Walau bagaimanapun, saya percaya perkhidmatan mereka ini hanya akan dilibatkan di dalam masa-masa tertentu dan apabila diperlukan sahaja.

Fasal 5 Rang Undang-undang ini pula membuat pindaan berkenaan dengan kuasa Lembaga mewakilkan fungsi-fungsinya kepada pegawai awam sahaja. Ini adalah perlu untuk mengelakkan fungsi-fungsi Lembaga diwakilkan kepada orang-orang yang bukan pegawai awam.

Fasal 6 Rang Undang-undang ini meminda seksyen 34 untuk memberi kuasa kepada Lembaga menetapkan berat dengan muatan maksima dibenar-

kan bagi sesuatu kenderaan perdagangan. Memandangkan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan adalah bertanggungjawab berkenaan dengan pelesenan kenderaan perdagangan, adalah wajar kuasa tersebut dikuatkuasakan oleh Lembaga.

Untuk memberi kuasa menyiasat kepada Pegawai Pengangkutan Jalan, Rang Undang-undang ini memasukkan seksyen baru iaitu seksyen 44A. Dengan adanya kuasa ini penguatkuasaan yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Pengangkutan Jalan akan lebih berkesan.

Satu lagi seksyen baru ialah seksyen 45A untuk memberi kuasa kepada pegawai polis dan pegawai-pegawai pengangkutan jalan memerintah seorang awam yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Akta ini untuk menghadiri diri ke mahkamah Majistret yang paling berhampiran sebagai ganti membuat permohonan kepada mahkamah untuk mendapat saman. Dengan adanya peruntukan ini tindakan penguatkuasaan akan dapat berjalan segera dan berkesan.

Rang Undang-undang ini juga membuat pindaan kepada seksyen 49 Akta ini supaya pegawai-pegawai polis dan pegawai-pegawai pengangkutan jalan yang khusus diberi kuasa secara bertulis. Ini adalah bertujuan untuk menghadkan kuasa yang diberikan di bawah seksyen ini kepada pegawai-pegawai tertentu sahaja.

Pindaan-pindaan dan tambahan kepada Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 adalah perlu bagi memperkemaskan dan memperlengkapkan lagi peruntukan-peruntukan yang ada.

Walaupun peruntukan-peruntukan Akta memberi kuasa yang secukupnya dalam penguatkuasaan Akta ini, ianya tidak menyatakan kuasa dengan nyata bagi pihak tertentu untuk melaksanakannya. Dengan memasukkan atau menambahkan peruntukan-peruntukan baru, maka

kuasa-kuasa pihak tertentu akan lebih nyata dan jelas. Ini akan memberi kesan yang lebih dalam penguatkuasaan peruntukan-peruntukan di bawah Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. Dengan ini, saya mohon mencadangkan .

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhat Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tidak ada perbahasan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah babawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan : dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG  
(PENGHAPUSAN SAMSU GELAP)(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**5.30 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerjaraya [Tuan Luhah Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988 dibaca kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 bagi tujuan seperti berikut:

- (a) mengadakan peruntukan yang berasingan terhadap kesalahan bagi seorang yang mempunyai di dalam milikan atau kawalan atau jagaan samsu gelap daripada merangkumi keadaan ini di dalam takrif "memperdagang" dan mengeluarkan peruntukan hukuman ringan kerana memiliki samsu gelap yang kurang daripada suku gelen; dan
- (b) meningkatkan hukuman yang sedia diperuntukkan supaya memberi kesan pencegahan yang cukup bagi maksud menghapuskan gejala samsu gelap

Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini latar belakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang **ini**.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta yang sedia ada itu berkuatkuasa mulai 11hb April, 1976 terdapat beberapa kejadian kematian yang sia-sia ke atas mangsa-mangsa yang menceburkan diri di dalam aktiviti-aktiviti meminum samsu gelap **ini**. Maka adalah difikirkan bahawa

antara jalan atau usaha untuk mengelakkan kejadian sia-sia ini ialah dengan pencegahan yang lebih berkesan. Mudah-mudahan dengan mengadakan peruntukan hukuman yang lebih berat terhadap yang terlihat ianya akan menghapuskan ataupun sekurang-kurangnya menghindar aktiviti-aktiviti yang kurang menyenangkan itu.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan meningkatkan penalti bagi kesalahan mengilang, memperdagang dan mengguna premis yang berkaitan dengan samsu gelap atau milikan alat mengilang daripada tempoh yang tidak melebihi 5 tahun dan tidak kurang daripada 2 tahun kepada tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun. Hukuman denda yang sedia diperuntukkan diganti dengan sebat mandatori yang tidak kurang daripada 2 kali sebatan.

Bagi kesalahan mengilang dan memperdagang jika samsu gelap itu mengandungi bahan berbahaya, peningkatan hukuman ialah daripada penjara tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun kepada tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun. Sebatan mandatori yang tidak kurang daripada 6 kali dikekalkan walaupun hukuman denda dimansuhkan.

Cadangan juga dibuat untuk mengadakan satu kesalahan yang khusus untuk mereka yang mempunyai di dalam milikan, kawalan atau jagaan samsu gelap yang hukumannya adalah samsu dengan kesalahan memperdagang iaitu jika samsu yang berkenaan itu tidak mengandungi apa-apa bahan berbahaya, pesalah akan dikenakan hukuman penjara mandatori selama satu tempoh tidak lebih daripada 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun dan disebat tidak kurang daripada 2 kali sebatan. Tetapi sebaliknya jika samsu yang terlibat itu mengandungi apa-apa bahan berbahaya, hukumannya ditingkatkan kepada penjara mandatori selama satu tempoh tidak lebih daripada 20 tahun dan tidak

kurang daripada 7 tahun dan disebat tidak kurang daripada 6 kali sebatan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini yang menghapuskan peruntukan berhubung dengan pengguna samsu yang kurang daripada suku gelen mengikut fakta-fakta sesatu kes yang tertentu boleh menyebabkan mereka yang terlibat dituduh kerana mempunyai di dalam milikan atau kawalan atau jagaan samsu gelap tersebut.

Apa yang disebutkan tadi itu secara terperinci dinyatakan di dalam huraian kepada Rang Undang-undang itu:

- (a) Fasal 2 Rang Undang-undang bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memotong perkataan "memiliki" daripada takrif "memperdagang" oleh kerana milikan samsu gelap itu sendiri hendaklah dijadikan satu kesalahan yang asing.
- (b) Fasal 3, 4, 6 dan 7 masing-masing bertujuan meminta seksyen-seksyen 3, 4, 6 dan 7 Akta supaya menambah penalti-penalti bagi kesalahan mengilang, memperdagang dan mengguna, premis-premis yang berkaitan dengan samsu gelap dan milikan alat-alat mengilang. Tempoh pemenjaraan mandatori ditambah kepada satu tempoh yang tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun. Hukuman denda diganti dengan sebatan mandatori tidak kurang daripada dua kali. Walau bagaimanapun, jika samsu gelap mengandungi apa-apa bahan berbahaya tempoh pemenjaraan mandatori itu dilanjut kepada satu tempoh yang tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun dan satu sebatan mandatori yang tidak kurang daripada 6 kali bagi mengilang dan memperdagang.

- (c) Fasal 5 bertujuan memperkenalkan satu seksyen 5 baru sebagai mengganti seksyen lama untuk membuat peruntukan mengenal satu kesalahan yang asing bagi milikan, jagaan atau kawalan samsu gelap. Sehingga ini milikan samsu gelap telah diliputi dalam takrif memperdagang. Walau bagaimanapun dalam hal keadaan tertentu mahkamah yang boleh memutuskan bahawa seseorang yang dipertuduh atas memperdagang, melakukan sesuatu kesalahan hukuman lebih ringan iaitu hanya sebagai seorang pengguna jika milikan itu melibatkan samsu gelap sebanyak kurang daripada sukugelen. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, milikan, jagaan dan kawalan samsu gelap tanpa mengambil kira banyaknya samsu yang dimiliki dijadikan satu kesalahan berasingan daripada memperdagang yang apabila disabitkan seseorang tertakluk kepada hukuman yang sama seperti yang diperuntukkan bagi memperdagang.
- (d) Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 16(a) Akta dengan menambahkan hukuman penjara yang dinyatakan dalam seksyen itu daripada 5 tahun kepada 7 tahun. Ini ialah satu pindaan berbangkit yang disebabkan oleh penambahan hukuman yang dikehendakki dalam lain-lain fasal.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Haji Hussein bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah

di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.39 ptg.

**Tuan R.M. Jasni:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun saya bukan peminat samsu gelap, tetapi saya inginlah mengambil bahagian dalam perbahasan suatu Akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976 ini secara ringkas sahaja.

Dalam membahaskan Akta ini, saya berpendapat sekadar memperketatkan undang-undang, menambah penalti-penalti bagi kesalahan-kesalahan mengilang, memperdagang, penggunaan premis-premis yang berkaitan dengan samsu gelap dan pemilikan alat-alat mengilang tidak dapat menghapuskan kegiatan-kegiatan membuat samsu gelap. Pembuatan samsu gelap akan tetap berada di hutan-hutan, disemak-semak di rumah-rumah kosong dan di tempat-tempat yang tidak pernah dironda kerana selagi ada pelanggannya, peminatnya selagi itu kegiatan samsu gelap ini akan bertahan di tempat-tempat yang gelap.



Nyatalah di sini bahawa punca masalahnya ialah kegiatan membuat samsu gelap itu berhubung rapat dengan pelanggan atau peminum arak. Selagi ada peminum arak, selagi itu ada samsu gelap. Kita telah mengadakan kempen besar-besaran mengenai bahayanya najis dadah, mengapakah kita tidak dapat mengadakan kempen-kempen untuk menerangkan bahayanya meminum arak, terutamanya samsu gelap yang dibuat tidak menurut peraturan kesihatan seperti yang sedang kita bincangkan **ini**. Mengapa kita tidak boleh mengadakan penerangan-penerangan kepada kawasan-kawasan yang terlibat betapa jijiknya, kotornya samsu gelap yang dibuat secara sembunyi-sembunyi dan mengapa kita tidak boleh memberi gambaran-gambaran bahawa samsu gelap yang dibuat di belukar-belukar itu mengandungi lipas mati, tikus mati, ular mati dan alat-alat yang tidak pernah dicuci dan penuh dengan karat? Segala ini boleh dipamerkan kepada orang ramai supaya rasa jijik untuk membeli atau meminum samsu gelap itu timbul dalam kesedaran orang ramai. Apabila kesedaran ini timbul, orang ramai, saya pasti, tidak akan meminum samsu yang penuh najis **itu**.

Selain daripada itu perlu juga menjadi dasar Kerajaan dalam menerapkan nilai-nilai Islam itu supaya menjadikan benda arak itu satu benda yang jijik seperti kita memandang dadah itu suatu najis yang amat merbahaya di dalam kehidupan manusia, masyarakat dan negara. Bahaya yang jelas dari kesan meminum arak yang tidak terkawal, tidak punya batas dan **had**, dapat kita lihat akibatnya dalam kehidupan masyarakat. Perkahwinan yang berkecai, rumahtangga yang porak peranda, orang menjadi putus asa dan kecewa dan akhirnya kehidupan seseorang manusia itu menjadi hancur lebur dan tidak tergambar penderitaannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar manusia yang ada di muka bumi ini ada 2 jenis: pertama, yang menurut atau tunduk kepada undang-undang fitrah dan mematuhi kehendak nalurinya; dan kedua, yang dikurniakan akal dan untuk bebas menentukan pilihannya. Di sinilah rasa saya penerapan nilai-nilai Islam itu seharusnya menjadi amalan manusia sejagat. Sebahagian dari nilai-nilai murni yang telah diamalkan oleh berjuta-juta manusia Muslimin di dunia ini ialah tidak meminum arak. Nilai yang baik ini jelas di dalam erti perkataan Islam itu sendiri iaitu tunduk dan patuh kepada perintah orang yang memberi perintah dan kepada larangannya tanpa membantah. Kalau nilai ini dapat diterapkan di dalam kehidupan kita, terutamanya yang berkaitan dengan samsu gelap dan dadah, masyarakat kita tidak akan meminum arak dan mengambil dadah, tetapi pengilang samsu gelap akan membakar alat-alat mengilang dan pengedah-pengedar dadah akan menjadi papa kedana kerana tidak seorang pun lagi akan menjadi pelanggan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun saya menyokong penuh Rang Undang-undang untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976, kerana inilah sahaja jalan dekat untuk mengawal kegiatan samsu gelap dari terus meracuni kehidupan masyarakat, sementara menunggu penerapan nilai-nilai Islam seperti saya katakan tadi itu dapat dihayati oleh masyarakat Malaysia yang mungkin mengambil masa yang panjang.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini suka saya hendak bertanya kepada pihak yang berkuasa, apakah di antara banyak-banyak samsu plastik yang terdapat di kedai-kedai itu tidak terdapat samsu-samsu gelap yang dimasukkan ke dalam plastik-plastik secara cetak rompak? Sudahkah dibuat penyiasatan teliti kemungkinan samsu gelap yang dimasukkan ke dalam plastik itu telah menjadi musang dan lantak berbulu ayam?

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah secara ringkas pandangan saya terhadap samsu gelap ini. Terima kasih.

**5.45 ptg.**

**Tuan G. Rajoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988 yang dibentang oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya sebentar tadi.

Seperti yang sedia maklum, Rang Undang-undang ini bertujuan meninda dan membaharui Undang-undang Penghapusan Samsu Gelap agar ianya menjadi satu penghalang dan pengajaran kepada sesiapa yang terlibat dalam pengedaran, pemilikan dan perdagangan samsu gelap ini. Rang Undang-undang ini dibentang tepat pada waktunya dan amatlah sesuai ianya dibentang sekarang. Pembentangan Rang Undang-undang ini adalah long overdue, dengan izin, dan tindakan Kerajaan mempercepatkan lagi hukuman harualah dipuji dan disambut baik oleh semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat tertarik dan mengalu-alukan tindakan Menteri Kerjaraya Malaysia yang membentangkan Rang Undang-undang ini. Yang Berhormat Datuk adalah seorang yang paling sesuai untuk membentang Rang Undang-undang ini kerana beliau pernah melihat dengan dekat kesengsaraan penagih-penagih samsu dan ahli-ahli keluarga mereka semasa lawatan rasmi beliau ke seluruh negara ini. Saya juga mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kerjaraya di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang berusaha bersungguh-sungguh dalam membentangkan Rang Undang-undang ini setelah kajian yang menyeluruh di pelbagai peringkat.

Seperti yang kita sedia maklum, pelaksanaan undang-undang ini bertujuan menghalang pemilik, pedagang dan peminum samsu gelap yang

terlibat dengan ancaman yang merbahaya **ini**. Samsu adalah satu bahan yang boleh membahayakan kesihatan dan mengganggu fikiran yang waras serta memabukkan seseorang. Oleh yang demikian, tindakan yang diambil ini adalah wajar dan tepat.

Tuan Yang di-Pertua, orang-orang yang memperdagangkan samsu gelap ini adalah orang yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan. Mereka tidak langsung menghiraukan kesihatan peminum samsu dan membuat, dengan izin, **distil**, samsu itu di situasi yang amat kotor. Mereka mencampuri berbagai-bagai bahan, kononnya bahan-bahan ini memberi perasaan yang lebih menghayalkan, akan tetapi bahan-bahan yang dicampuri ini adalah racun semata-mata dan membahayakan kesihatan peminum samsu. Oleh yang demikian, tempoh peminjaraan mandotori yang tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang dari 7 tahun dan sebatan mandotori yang tidak kurang daripada 6 kali bagi pengilang dan pedagang adalah satu hukuman yang amat baik dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat satu perkara telah tertinggal dalam Rang Undang-undang **ini**. Dalam Rang Undang-undang ini proviso tidak buat kepada kesalahan-kesalahan yang diulangkan sekali oleh pengilang dan pedagang **ini**.

Jika mereka mengulang kesalahan ini, mereka hendaklah dihukum gantung dan Kerajaan hendaklah membuat proviso ini dalam Rang Undang-undang Penghapusan Samsu Gelap ini. Mereka hendaklah dihukum gantung jika mengulang kesalahan ini kerana samsu gelap seperti dadah juga boleh membunuh penggunanya seperti yang pernah berlaku di Lunas, Kedah; Ladang Trans Kerian dan Semenyih di Selangor di mana berpuluh-puluh orang mati dan berpuluh-puluh lagi kehilangan penglihatan setelah minum samsu gelap yang dibuat dan dijual oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan pengguna-pengguna samsu gelap ini adalah terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil, jauh dari bandar. Mereka tidak mampu membeli liquor, dengan izin, yang mahal lalu membeli samsu yang murah. Mereka juga tidak tahu tentang bahaya samsu gelap ini. Oleh yang demikian Kerajaan haruslah mengambil beberapa langkah yang sistematik untuk mendidik penduduk-penduduk luar bandar khususnya di ladang-ladang tentang bahaya samsu ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini samsu gelap boleh dibeli dengan sebegitu senang dan mudah di kedai-kedai runcit dalam bentuk beg plastik dengan berbagai-bagai nama jenama oleh sesiapa sahaja - budak kecil, anak sekolah lelaki atau perempuan - pada bila-bila masa juga - pagi, petang atau malam. Ini adalah satu trend yang merbahaya kerana samsu gelap ini oleh dibeli di kedai runcit dengan harga yang murah dan dapat dibeli oleh sesiapa sahaja pada bila-bila masa.

Oleh yang demikian, saya berpendapat Kerajaan hendaklah mencari jalan menggubal undang-undang agar samsu dijual hanya di premis-premis yang berlesen pada masa-masa yang ditetapkan sahaja. Ini

akan menghalang pembuat-pembuat samsu gelap memperdagangkan bahan mereka melalui kedai-kedai runcit dengan berbagai-bagai jenama yang tertentu.

Satu lagi aspek yang patut diberi perhatian adalah mutu dan kualiti saras yang diperdagangkan di pasaran sama ada secara halal atau haram. Samsu yang diperdagangkan secara halal haruslah mempunyai bahan-bahan yang tidak membahayakan kesihatan, murah dan berkualiti agar pengguna-pengguna tidak terlibat dalam sebarang 'side-effect', dengan izin. Samsu yang dikeluarkan oleh distillers, dengan izin, yang berlesen hendaklah menjaga mutu minumannya dan Kerajaan haruslah mengawal mutu minuman ini melalui agensi pengawasannya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah berkaitan dengan pengilang-pengilang samsu gelap. Mereka selalu membuat samsu di tempat-tempat yang sunyi dan jauh daripada habitat orang. Pembuat-pembuat samsu dan kilang mereka tidak senang dikesan, mereka selalu "escape the long arm of the law", dengan izin. Oleh yang demikian, Kerajaan haruslah mengkaji kemungkinan memberi 'reward' yang lumayan kepada sesiapa yang memberi maklumat mengenai tempat pengilang dan pembuat samsu gelap ini sehingga mereka tertangkap dan dipenjarakan. Reward yang diberikan ini haruslah lumayan agar orang ramai sanggup memberi maklumat sehingga tertangkapnya penjenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai statistik yang lengkap mengenai pengguna-pengguna samsu gelap ini. Saya berpendapat eloklah Kerajaan berusaha mendapatkan statistik yang lengkap mengenai pengguna-pengguna samsu gelap ini dengan tujuan memberi kaunseling dan pemulihan di pusat-pusat tertentu

kepada penagih-penagih samsu ini. Seperti yang dilakukannya kepada penagih-penagih dadah. Dengan adanya kaunseling dan sistem pemulihan yang tertentu, saya yakin dan percaya Kerajaan dapat memulihkan beberapa orang yang terjatuh dan terjerumus dalam samsu ke pangkuan jalan yang baik dan sempurna.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, samsu adalah samsu, sama ada samsu itu samsu gelap atau samsu cerah [Ketawa]. Samsu boleh memabukkan, menghilangkan akal dan melemahkan masyarakat. Oleh yang demikian, setiap orang di negara ini haruslah menjauhi samsu agar rakyat jelata hidup selesa tanpa alkohol di negara yang beragama Islam ini (Tepuk) sebagai satu langkah menghormati Raja dan Negara.

Dengan harapan yang murni **ini**, sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988 ini. Sekian, terima kasih.

5.57 ptg.

**Tuan V.K. Sellappan:** Tuan Yang di-Pertua, ucapan terima kasih diucapkan oleh saya kerana diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan untuk menyokong Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan) 1988.

Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kerjaraya kerana memajukan nama saya supaya dilantik sebagai Senator dalam Dewan ini.

Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' S. Samy Vellu dan Menteri Kewangan kerana berjaya menggubal Rang Undang-undang ini yang menunjukkan bahawa Kerajaan kita mengambil berat terhadap usaha menghapuskan samsu gelap dengan memberi hukuman-hukuman yang berat kepada yang melakukan kegiatan haram seperti memproses dan mengilang samsu gelap di pasaran. Dengan adanya penggubalan Rang Undang-undang ini, Kerajaan boleh mengawal dan membanteras kegiatan samsu gelap ini.

Rang Undang-undang ini juga akan memberi perlindungan yang luas serta menyelamatkan orang-orang yang berpendapatan rendah yang ingin membabitkan diri dalam aktiviti ini. Rang Undang-undang ini juga mencegah pemborong-pemborong samsu gelap supaya mendapatkan keuntungan yang besar daripada rakyat jelata yang berpendapatan rendah khususnya dari keturunan kaum India. Kegiatan samsu gelap bukan sahaja memberi masalah yang serius kepada kaum India yang tinggal di ladang-ladang, malangnya ia juga menjangkit dari merebak secara luas di bandar.

Saya mengambil kesempatan ini dan ingin memperingatkan kepada pihak Polis, perkara tersebut tidak boleh diambil sebagai perkara yang ringan seperti di masa-masa yang lalu. Kini Polis harus mengambil tindakan yang tegas terhadap penjual-penjual samsu gelap dan juga kepada orang-orang yang tidak mempunyai lesen untuk menjual arak yang dibenarkan oleh Kerajaan kita.

Perkara yang kedua yang saya ingin sentuh dalam ucapan saya ialah Kerajaan harus menubuhkan pusat-pusat pemulihan arak bagi penagih-penagih samsu sepertimana Kerajaan kita telah mendirikan pusat-pusat bagi penagih dadah.



Kerajaan kita haruslah mengawalkan penjualan samsu-samsu dalam sarung plastik atau plastic bag. Samsu sarung plastik ini mudah boleh didapati di kedai arak dengan harga 50 sen atau 60 sen sebungkus walaupun penjualan samsu sarung plastik dihalakan di kedai arak tetapi tidak ada berbeza di antara samsu gelap dan samsu halal dalam sarung plastik.

Bagi pendapat saya samsu gelap dan samsu halal tetap memberi keburukan kepada kesihatan badan apatah lagi Kerajaan mengharamkan penjualan samsu di negara kita. Bilangan yang besar penagih samsu adalah di golongan yang berpendapatan rendah dari ladang-ladang kita dan kelapa sawit. Selepas mereka menyelesaikan kerja-kerja yang berat dari ladang, mereka ingin menyenangkan diri dengan cara yang paling senang sekali tanpa perbelanjaan yang tinggi. Akhirnya mereka meminum samsu haram **ini**. Di sinilah Kerajaan kita patut memberi perhatian terhadap aktiviti-aktiviti pekerja ladang, mereka tidak mempunyai kegiatan lain untuk memenuhi masa lapang kerana ada majikan-majikan ladang melarang kegiatan-kegiatan parti politik dan sosial, ladang-ladang tidak ada kemudahan-kemudahan seperti di kampung-kampung dan kampung-kampung baru disediakan oleh Kerajaan supaya menceburkan diri dalam aktiviti yang berhasil. Akhirnya mereka terperangkap dalam tabiat meminum samsu haram.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menyentuh iaitu negara Malaysia adalah negara Islam yang mempunyai berbilang kaum untuk mendokong cita-cita Kerajaan bagi menyerapkan nilai-nilai Islam haruslah Kerajaan mengambil keputusan supaya mengurangkan atau mengharamkan arak di negara kita [Tepuk].

Ini bermakna generasi baru di masa hadapan akan menjadi satu generasi yang bebas daripada penagihan arak. Dengan pendapat-pendapat ini saya ingin memberi sokongan saya yang sepenuhnya untuk Rang Undang-undang Penghapusan Samsu Gelap (Pindaan) 1988. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Ainon binti Ariffin.

**6.05 ptg.**

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perdebatan mengenai pindaan Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Membarui Undang-undang Penghapusan Samsu Gelap 1976.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memberikan beberapa pandangan dan pendapat saya terlebih dahulu saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas perlantikan Tuan Yang di-Pertua sebagai atau selaku Timbalan Tuan Yang di-Pertua bagi Dewan Negara yang mulia ini.

Memandangkan khidmat tuan yang baru sahaja kami kenali nyatalah perlantikan itu sangat wajar. Semoga Dato' akan dapat membimbing Dewan ini bersama-sama Dato' Tuan Yang di-Pertua untuk meninggikan lagi prestasi khidmat dan juga kebajikan yang akan dihasilkan oleh Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Akta membarui Rang Undang-undang Penghapusan Samsu Gelap 1976 ini, sesungguhnya pindaan ini rasanya sangatlah dialu-alukan, Saya percaya bukan sahaja rakyat daripada keturunan India yang merasa gembira dengan pindaan

Undang-undang ini tetapi semua rakyat yang berada di dalam negara Malaysia ini turut juga sama mengalu-alukan pindaan undang-undang ini, kerana sebagai sebuah negara yang sudah lama mempraktikkan rasa perpaduan yang mendalam di kalangan rakyatnya yang majmuk, apa yang dirasakan oleh keturunan India dirasakan juga oleh rakyat keturunan Cina dan keturunan Melayu. Ini ternyata dalam kita menghadapi isu-isu besar di negara kita ini semua rakyat walaupun dari berbilang bangsa ini bersama-sama bersatu padu berjuang dan bersama-sama berganding bahu mengatasi semua masalah-masalah yang dihadapi.

Sesungguhnya kita rasa sangat sedih sebelum ini bagaimana rakan dan kawan-kawan kita daripada rakyat Malaysia yang taat setia daripada mereka yang berpendapatan rendah yang kebanyakannya duduk di pendalaman menjadi pekerja-pekerja di ladang-ladang telah tertipu oleh perbuatan daripada pengaruh samsu gelap atau samsu haram ini semata-mata kerana mereka ingin mencari sedikit kepuasan daripada tekanan hidup atau gelora suasana masyarakat di kalangan mereka .

Tuah Yang di-Pertua, di Dewan ini pernah kita bawa berkali-kali mengenai masalah samsu haram ini. Kawan-kawan saya daripada MIC, Senator-senator yang ada di Dewan ini yang warganegara Malaysia keturunan India yang hitam manis [Ketawa] selalu sahaja membawa perkara-perkara mengenai samsu ini. Mereka sentiasa menjerit di sana sana dan juga wanita-wanitanya juga sentiasa membuat usaha-usaha supaya perkara samsu gelap ini mendapat perhatian bukan sahaja daripada Kerajaan tetapi juga daripada mereka yang mempunyai kuasa

iaitu majikan umpamanya dan juga pemimpin-pemimpin di dalam masyarakat tempatan, masyarakat yang terlibat dengan kesah-kesah samsu gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat banyak berita-berita dikeluarkan oleh akhbar-akhbar yang juga mengambil berat tentang perkara yang boleh mendatangkan satu gejala buruk di kalangan rakyat Malaysia ini. Kita juga mengucapkan terima kasih kepada media massa yang selalu mengambil berat dalam perkara ini dengan mengeluarkan perkembangan dan gejala buruk akibat daripada samsu gelap ini. Di mana dilaporkan beberapa kematian yang ngeri, kanak-kanak, ibu bapa malahan ada pada satu ketika dahulu satu keluarga selepas meminum samsu gelap ini terus meninggal dunia. Dan ada juga yang tinggal menerima akibat yang buruk daripada kesan-kesan negatif atau mungkin 'chemical' yang ada di dalam samsu haram seperti yang dikatakan oleh sahabat saya tadi, ada yang buta mata, ada yang hilang fikiran atau gila, ada juga yang mabuk tidak sudah kerana racun daripada samsu gelap ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Undang-undang di hadapan kita, saya ingin menyentuh iaitu mengenai Fasal 3, 4, 6 dan 7. Masing-masing bertujuan meminda seksyen-seksyen 3, 4, 6 dan 7 iaitu supaya Akta menambah penalti-penalti bagi kesalahan-kesalahan mengilang memperdagang dan menggunakan premis-premis yang berkaitan dengan samsu gelap dan milikan alat mengilang. Tempoh pemenjaraan mandatori ditambahkan kepada suatu tempoh yang tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang daripada 4 tahun.

Hukuman denda diganti dengan sebatan mandatori yang tidak kurang daripada dua kali. Walau bagaimanapun, jika samsu gelap mengandungi apa-apa bahan berbahaya tempoh pemenjaraan mandatori itu dilanjutkan kepada suatu tempoh yang tidak melebihi 20 tahun dan tidak kurang daripada 7 tahun. Dan suatu sebatan mandatori yang tidak kurang daripada 6 kali bagi mengilang dan memperdagang,

Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang ingin menyedut keuntungan daripada penjualan samsu murah, merbahaya dan gelap ini, tentulah hukuman yang dikenakan yang diketatkan di dalam pindaan Akta **ini**, akan menjadikan satu deterrent kepada mereka mudah-mudahannya. Tetapi sekadar hukuman berat sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah memadai. Dalam masalah samsu atau mangsa samsu gelap ini ianya juga ada persamaannya dengan mangsa-mangsa alkohol atau tadi disebut arak. Satu pihak memperdagangkan, satu pihak menagih. Yang memperdagangkan perlu akan mencari ikhtiar dan jalan akan berusaha by hook or by crook supaya boleh terus memperdagangkan bahan-bahan samsu atau seperti yang saya kata alcohol. Yang sudah menagih, tidak dapat tiada walaupun gelap, walaupun terang, walaupun cerah, walaupun tidak kelihatan, tetap akan mencari bahan berkenaan sebagai memenuhi rasa ketagihan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita kerana sentiasa memelihara rakyatnya. Kerajaan sudah menjalankan peranannya iaitu meminda akta dan menambahkan lagi hukuman-hukuman, mengetatkan lagi undang-undang dan kemudian memperhebatkan lagi gerakan-gerakan mengawas dan meneliti kepada mereka yang membuat kerja-kerja memperdagangkan samsu haram ini. Tetapi apakah peranan kita, apakah pula peranan rakyat, peranan para pemimpin, peranan para majikan tempat mereka yang menjadi mangsa atau akan jadi mangsa yang masih buta dan tidak mengetahui, yang tidak arif mengenai bahaya samsu ini patut ditanya. Sekadar untuk hanya undang-undang sahaja, saya rasa ianya tidak berkesan. Satu usaha dari segi pendidikan pencegahan perlu diuruskan dan perlu dijalankan sekarang ini. Nyatalah mereka yang menggunakan atau meminum samsu haram ini adalah disebabkan dua tiga faktor.

Faktor yang pertama kerana ini sudah menjadi habit. Saya kurang arif dengan masyarakat sahabat saya orang-orang India, adakah meminum samsu ini sebagai satu minuman harian. Pada zahirnya walaupun minuman tersebut satu tradisional, kalau ia merbahaya, perlulah diberi pendidikan kepada yang menggunakannya itu supaya tidak lagi menyalahgunakan minuman yang walaupun merupakan satu perkara dalam kebudayaan atau culture, dengan izin, mereka sendiri. Benda-benda yang merbahaya tidak perlu dikekalkan di dalam kebudayaan mana-mana rakyat atau mana—mana keturunan, kerana ianya akan memangsakan keturunan itu sendiri. Maka saya rasa seperti juga dadah kerana pengalaman saya yang banyak dalam masalah pencegahan dadah, maka peminum atau pengguna samsu ini juga perlu didekati dengan pendidikan pencegahan melalui kumpulan kuil-kuil dan juga dengan menggunakan badan-badan sukarela sama ada ditempatkan ataupun diwujudkan. Kami dari PEMADAM, kerana saya juga adalah gurkha PEMADAM sedia memberikan khidmat dalam menganjurkan kempen-kempen anti samsu gelap dan terang [Tepuk] .

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tidak hapuskan yang terang, yang gelap berjalan juga. Jadi, pada pendapat saya gelap atau terang, saya setuju dengan sahabat saya tadi hapuskan kerana perkara ini mengandungi unsur yang negatif dan boleh dibuat alihan. Kalau barangkali samsu ini ada persamaannya dengan air tapai, maka gantikanlah dengan air tapai, tapai ubi, tapai pulut. Jadi, boleh juga menjadi satu daya-usaha untuk cari rezeki. Tanam pulut, tanam ubi kayu kemudian buat tapai, ambil airnya minum, ibaratkan sebagai samsu. [Ketawa] Boleh juga untuk buat toast ataupun hendak buat hari-hari keramaian. Kerana kita tahu culture kita, keturunan kita kaya. Rakyat Malaysia kaya dengan kebudayaannya, kaya dengan adat-istiadatnya sebagai satu negara yang unik bagi dunia luar. Jadi,

supaya tidak hilang bahawa minuman menjadi satu bahan penting dalam semua perayaan, dalam semua hal yang berbentuk keseronokan atau menghilangkan dahaga maka boleh dicari alihan atau gantian.

Saya sangat sedih, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah samsu haram ini wanitalah yang banyak menjadi mangsa. Saya dapati rakan-rakan saya yang mati **itu**, kalau mati suaminya kerana samsu gelap maka isterinya akan menghadapi hari depan yang gelap menjaga anak-anaknya. Kemudian kadangkala kalau sudah pihak suami bila dapat gaji, pergi cari samsu, bila sudah mabuk, balik goyang kaki, pukul isteri [Ketawa] . Kemudian kadangkala anak-anak pun menjadi mangsa. dia sudah nampak anak-anak dia seolah-olah mungkin seperti perkara benda-benda yang hendak merosakkan dia, kerana dikhayalkan oleh samsu - helosinasi [hallucination].

Saya tahu kalau alcohol dengan dadah boleh menukarkan fikiran manusia, ia akan menjadi seolah-olah seperti terlalu berani atau sebaliknya terlalu takut dan tidak dapat membuat perimbangan yang sewajarnya atau sesuai. Kadangkala dia nampak wanita isterinya yang cantik seperti gergasi. Sebab itu dia pukul dan kadangkala bila dia nampak anak-anaknya seperti ular atau seperti benda yang menakutkan, jadi dia marah, dia pukul atau dia cekek kerana dia hendak mengelakkan dirinya daripada diserang. Ini satu perasaan daripada jenis samsu.

Seperkara lagi tentulah masyarakat kita di kalangan orang India kita **ini**, sukar kita hendak bentuk dari segi disiplinnya, kalau samsu ini memainkan peranan penting, almaklum minum satu koleh masih lagi cakap macam biasa, bila sampai dua koleh, suara pun sudah tinggi, bila sampai tiga koleh, koleh-koleh sudah berlaga koleh, bila sudah sampai empat koleh, maka tangan-tangan, kaki-kaki turut berlaga. Maka berlakulah pergaduhan, pertengkaran yang sia-sia. Apabila



sedar, mereka rasa menyesal tetapi kerana ini satu bahan ketagihan, behaviour, dengan izin, maka besok ulang lagi. Boleh jadi saya ada kawan yang saya sayang sahabat saya daripada keturunan India. Saya kena sebut keturunan sebab ini kebudayaan masing-masing. Dengan rasa hormat bahawa mereka warganegara Malaysia, keluarga kita, saudara kita. Jadi, kawan-kawan saya ini apabila dia tidak minum samsu dia seorang yang sangat handal, boleh jadi pengerusi dengan baik, boleh jadi pengerak yang baik. Bila sudah minum samsu, saya pun dia sudah taruh tangan [Ketawa] . Jadi ini menunjukkan satu disiplin yang kurang baik, padahal dia seorang yang baik, seorang yang berhemah. Samsu telah menukarkan peragainya daripada seorang manusia biasa kepada manusia yang tidak biasa atau luar biasa. Tidak biasa tidak mengapa juga iaitu dia pengsan, tetapi bila luar biasa, tidak boleh rapat.

Saya tertarik tadi seorang sahabat saya menyebut bahawa pendidikan dari segi kaunseling penting. Saya akui itu benar kerana mereka yang menagih samsu ini seperti saya sebut tadi mesti ada faktor latarbelakang. Sama ada faktor itu faktor dalaman atau faktor luaran terpulang kepada masalah yang dihadapinya. Saya percaya mereka yang berpendapatan rendah, merasa meminum samsu itu sebagai satu kelegaan kepada penderitaannya. Almaklumlah dapat gaji kecil, anak ramai, tanggungjawab banyak, perkara yang diperlukan banyak, tetapi,duit tidak cukup, runsing fikiran, badan sudah penat, letih kemudian runsing, Kalau begitu bagaimana hendak relax, maka ambil samsu, minum hoha-hoha! hoha-hoha! kadang-kadang dia tidur, tetapi kadang-kadang dia meracau-racau. Jadi ertinya masalah perekonomian adalah kaitannya dengan samsu ini. Maka eloklah masyarakat itu mencari usaha, mencari jalan. Janganlah harap Kerajaan semua, bergantung pada Kerajaan semua. Ini cakap mulutnya kalau bergantung sahaja dengan Kerajaan, Kerajaan pun tumbang.

Cari usaha, saya rasa dalam masyarakat India sudah ramai para pemimpinnya yang daripada doktor, lawyer, guru, hakim-hakim yang bijaksana, hakim yang baik, bukan hakim yang menggunakan undang-undang untuk kepentingan diri. Ada guru-guru, para pemimpin, dan boleh dikatakan purata dengan usaha Kerajaan, dengan hasil daripada negara kita yang demokrasi, taraf ekonomi mereka sudah baik. Yang baik tolonglah yang kurang baik supaya sama-sama dapat nikmatnya, begitulah yang kita buat bahu membahu.

Asas kaunseling atau dipanggil asas pengenalan kaunseling pendidikan sangatlah berguna untuk keluarga yang seperti ini. Tidak begitu sukar untuk mempelajarinya dan untuk mengembangkannya. Kita mana-mana yang suka membuat kerja kebajikan, sila pelajari sedikit - sebanyak akan asas pengenalan dari segi kaunseling keluarga atau kejiwaan **ini**, kemudian bolehlah kita membuat ceramah kumpulan ke tempat-tempat yang dikenalpasti black area samsu haram, kawasan hitam samsu gelap. Saya percaya banyak sudah kita kenalpasti, estet mana, pekan mana, kampung mana, kawasan bandar mana yang terdapat perkara-perkara ini. Lancarkanlah kempen anti samsu ini.

Mengenai kaunseling ini sebenarnya adalah untuk membimbing seseorang manusia supaya yakin kepada dirinya dan melatih dia mempunyai daya tahan diri yang kuat dalam menghadapi semua cubaan, dugaan dan kerumitan di dalam hidup. Apabila seseorang punya daya tahan diri, kalau dalam Islam dipanggil iman, kalau dalam masyarakat India saya tidak tahu, mungkin dia dipanggil seorang yang kuat dalam agama atau kalau dia boleh control perasaannya dengan fikirannya melalui latihan kaunseling **ini**, nescaya dia boleh menghadapi cabaran-cabaran hidup dengan cara yang bijaksana dan tidak mencari sesuatu untuk

alihan atau dengan izin, escapism.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali menyentuh undang-undang ini mengenai Fasal 5 - bertujuan memperkenalkan satu seksyen 5 baru sebagai mengganti seksyen lama untuk membuat peruntukan mengenai suatu kesalahan yang asing bagi milikan, jagaan atau kawalan samsu gelap. Dengan rasa hormat kepada Kerajaan kita yang memang adil, saya rasa di sini sudah ada sedikit kelonggaran - kalau setengah gelen dia dianggap memiliki, hukunya ringan, sama juga dadah mungkin dianggap sebagai pesakit kerana dia hanya menagih. Tetapi kalau lebih daripada setengah gelen baru dianggap dia itu mengilang atau cuba menggunakannya untuk memperdagangkan, hukunya berat.

Saya rasa dalam hukuman memiliki inipun mesti juga dipecah-pecahkan. Kalau misalnya dia itu memang sudah penagih kepada minuman samsu, kemudian ada setengah gelen semasa, dia boleh jual yang setengah gelen ini dan kemudian membuatnya lagi kerana membuat samsu tidak sesusah membuat dadah atau mengedar dadah. Saya difahamkan membuat samsu ini bahan-bahannya mudah sahaja. Boleh di dapati di sekitaran, saya belum belajar cara mana hendak membuat samsu, dan tidak bercadang hendak belajar, sebab perkara ini perkara yang tidak memberikan manfaat, mungkin tadi saya ada dengar, ada yang kata taruh lipan, katak, ular. Saya tidak tahulah, tidak mungkinlah ular, katak masuk sama. Tetapi mungkin bahan-bahan yang ada di sekitaran, barangkali daripada itu ini, itu ini dicampur-adukkan maka ia jadi bahan yang merbahaya. Jadi ertinya dengan seketika mereka boleh membuat setengah gelen yang lain. Kalau setengah gelen dia memiliki, dia sakit, lepas satu kes, nanti satu lagi setengah gelen sakit, setengah gelen, setengah gelen, setengah gelen, setengah gelen, akhirnya boleh jadi beribu-ribu gelen.

Mengapa tidak jangan dikelas-kelaskan gelen ini kerana daripada undang-undang kita boleh memandu mereka kepada membenci samsu, mengantikannya dengan air tapai, itu kalau hersetuju. Kalau tidak ber-setuju, bolehlah dialihkan dengan apa-apa minuman lain yang tidak begitu merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada juga baiknya dari segi pendidikan ini diterapkan juga di sekolah-sekolah jenis kebangsaan biar dari anak-anak dilatih samsu itu haram, samsu itu najis, samsu itu jijik.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Maaf Yang Berhormat, masa sudah sampai, kalau boleh habiskan..... Jam itu tidak boleh pakai [Ketawa].

**Puan Aion binti Ariffin:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya berpandu kepada jam yang ada di Dewan [Ketawa]. Nampaknya jam Dewan yang tidak betul, bukan saya yang tidak tahu masa [Ketawa].

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon berhenti di sini, kalau diizinkan, saya suka menyambung besok.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Boleh sambung besok.

#### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Datuk Haji Hussein bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 15(3) Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

**Peperiksaan Bahasa Malaysia Sijil Pelajaran Malaysia****6.30 ptg.**

**Tuan Chan Choong Tak:** Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat Malaysia menyedari tentang kepentingan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan negara kita. Kerajaan negara kita sedang mencuba sedaya upaya untuk mendorong setiap lapisan masyarakat untuk mempergunakan Bahasa Malaysia dengan seluas-luasnya. Pelajar-pelajar dan orang-orang dewasa juga menyambut seruan Kerajaan ini secara positif dengan mempelajari bahasa ini secara serius sama ada dalam sekolah atau melalui pengajaran bimbingan persendirian.

Ramai sebenarnya mempelajari bahasa ini secara diri sendiri dan kebanyakan mereka ingin sekali memperolehi sijil yang membuktikan kemahiran mereka dalam bahasa ini secepat mungkin. Oleh demikian, Kerajaan dalam menggalakkan semua rakyat mempelajari Bahasa Malaysia seharusnya memperuntukkan peluang yang lebih kepada mereka yang mengambil peperiksaan. Pada masa sekarang, sesiapa yang ingin mengambil peperiksaan mata pelajaran ini sebagai suatu mata pelajaran tunggal bolehlah mengambil peperiksaan ini setahun sekali, iaitu pada, bulan Julai.

Sekiranya ia tidak berpuas hati akan keputusan peperiksaan dan ingin sekali lagi mengambil peperiksaan supaya dapat memperolehi keputusan yang lebih baik, maka ia terpaksa menunggu sehingga bulan Julai, tahun depan. Tambahan pula, ramai penuntut-penuntut dan rakyat dewasa yang ingin mengambil peperiksaan ini mungkin tidak sempat mengambilnya kerana mereka sedang berada di luar negeri. Oleh demikian, demi menjaga kecenderungan serta menggalakkan lebih orang menguasai bahasa **ini**, saya di sini ingin merayu kepada

Kerajaan supaya memperuntukkan peluang yang lebih kepada pelajar-pelajar bahasa ini untuk mengambil peperiksaan bahasa ini bukan sahaja pada bulan Julai, tetapi juga pada masa-masa lain di sepanjang tahun.

Sebagai suatu permulaan, Kerajaan bolehlah membenarkan calon-calon peperiksaan ini untuk mengambil peperiksaan mata pelajaran Bahasa Malaysia sebagai suatu mata pelajaran tunggal dalam bulan Disember. Dalam negara di mana kita terdapat ramai penuntut yang belajar, kita haruslah memberikan mereka peluang yang lebih dalam mengambil peperiksaan mata pelajaran secara tunggal.

Saya pasti semua rakyat Malaysia bersetuju yang kepentingan Bahasa Kebangsaan kita perlulah diberikan kedudukan yang tinggi dan keperluan kelulusan pangkat kredit atau 'C' dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia yang perlu bagi kebanyakan kegunaan telah membayangkan betapa pentingnya bahasa ini. Walau bagaimanapun, darjah kelulusan untuk pangkat kredit seharusnya di peringkat yang boleh dicapai oleh majoriti penuntut yang menduduki peperiksaan. Oleh yang demikian, semua kes-kes 'borderline' di antara "kredit" dan lulus seharusnya diberikan pangkat "kredit". Pentingnya berbuat demikian adalah jelas ditunjukkan oleh peristiwa pilu, yang telah disebut oleh sahabat saya semalam, yang berlaku pada haru-baru ini di mana seorang penuntut yang berkeputusan cemerlang dalam keseluruhan tetapi telah salah diberikan pangkat "lulus" dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia telah membunuh diri.

Perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah Kementerian pernah mempunyai rancangan untuk menjadikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai suatu sijil terbuka, iaitu satu sijil tidak mempunyai Gred 1, Gred 2 atau Gred 3, tidak ada pangkat,

kecuali pangkat-pangkat mata pelajaran yang calon-calon tersebut ambil. Ramai di antara kita memang berpendapat yang pangkat-pangkat yang ada pada Sijil SPM tidak mempunyai kegunaan bermaksud selain daripada mengecewakan pelajar-pelajar, terutama sekali pelajar-pelajar yang berkeputusan cemerlang dalam kebanyakan mata pelajaran tetapi diberikan pangkat sijil yang rendah. Saya benar-benar ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya sijil terbuka ini dapat dilancarkan mulai daripada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, penuntut yang diambil masuk ke Tingkatan 6 seharusnya dibenarkan untuk bertukar dari Aliran Sains kepada Aliran Sastera atau sebaliknya sekiranya terdapat kekosongan yang berlaku. Pada masa sekarang, keadaan ini hanya dibenarkan sekiranya penuntut berkenaan telah memperolehi pangkat-pangkat tertentu dalam mata-mata pelajaran tertentu semasa peperiksaan SPM. Kalau tidak, pertukaran aliran ini terpaksa bergantung kepada pegawai dalam Kementerian Pendidikan di Kuala Lumpur. Dalam hal ini, banyak masa akan terbazir sebelum keputusan dibuat kemudian dimaklumkan kepada penuntut berkenaan. Tenaga dan masa begini seharusnya boleh diijamatkan dan perasaan hampa dan dukacita bolehlah dielakkan sekiranya pengambilan keputusan adalah diberikan kepada Guru Besar berkaitan yang memang tahu sama ada pertukaran aliran ini adalah berfaedah kepada penuntut yang berkenaan. Atas keadaan berlaku demikian, ramai penuntut terpaksa tinggal di Aliran Sains di mana mereka sendiri adalah enggan tinggal di aliran tersebut kerana mereka fikir mereka tidak sesuai dalam aliran, tetapi oleh sebab ada syarat sekarang mereka tidak dapat tukar.

Bagi Tingkatan 5 dan 6 untuk memilih mata pelajaran, saya telah menerima banyak aduan yang sekolah-sekolah tertentu tidak membenarkan penuntut untuk bertukar mata pelajaran yang mereka ingin pelajar dan menduduki peperiksaan berkaitan walaupun mata pelajaran berkaitan adalah diperlukan oleh mereka dan diajar dalam sekolah itu pula. Saya ingin di sini merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya mengambil tindakan yang segera untuk mendesak guru besar sekolah sedemikian untuk membantu penuntut dalam pilihan mata pelajaran dan membenarkan mereka memilih mata pelajaran yang mereka minat secara bebas.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa hampir sudah sampai..

**Tuan Chan Choong Tak:** 1-2 minit sahaja. Orang ramai adalah tidak syak lagi merasa sukacita melihat Kementerian Pendidikan telah menubuhkan dan akan terus menubuhkan kelas-kelas khas bagi kanak-kanak yang terencat akal dalam negara kita,

Saya harap Kementerian akan memberi timbangan kepada cadangan saya iaitu menubuhkan sekolah-sekolah khas untuk mengambil masuk kanak-kanak yang berkepandaian istimewa dalam negara kita. Publisiti baru-baru ini yang menyiarkan masalah seorang penuntut lelaki 'genius' bernama Chiam Ti Ming semasa beliau cuba memohon masuk ke sekolah-sekolah penuh bantuan Kerajaan telah menunjukkan keperluan kemudahan ini. Sebelum sekolah-sekolah sedemikian ditubuhkan, saya ingin merayu kepada Kerajaan untuk memberi kebebasan kepada peraturan-peraturan berkaitan dengan had umur memasuki kelas atau kenaikan ke kelas tertentu atau menduduki peperiksaan.



Timbalan Yang di—Pertua: Masa sudah cukup, maaf.

**Tuaa Chan Choong Tak:** Terima kasih.

**6.38 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Woon See Chin]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya memberikan banyak peluang kepada sesiapa sahaja yang ingin mengambil peperiksaan SPM bagi mata pelajaran tunggal Bahasa Malaysia. Perkara ini telah dijelaskan dalam Pekeliling Lembaga Peperiksaan 5/88 bertarikh 16hb Februari, 1988 berkenaan dengan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 1988, termasuk Peperiksaan Bahasa Malaysia Julai. Peperiksaan mata pelajaran ini diadakan untuk calon-calon yang telah lulus mana-mana satu daripada peperiksaan, iaitu:

- (1) Cambridge School Certificate;
- (2) Federation of Malaya Certificate;
- (3) Malaysia Certificate of Education;
- (4) Sijil Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu;
- (5) Sijil Pelajaran Malaysia;
- (6) General Certificate of Education;
- (7) Sijil Am Pelajaran;
- (8) Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia yang diperolehi dalam tahun 1987; atau
- (9) semua sijil peperiksaan yang tersebut di atas pada tahun-tahun sebelumnya.

Peperiksaan ini juga diberi peluang kepada pegawai-pegawai Kerajaan atau pegawai-pegawai daripada Badan-badan Berkanun yang tidak mempunyai kelulusan yang tersebut di atas tetapi telah mempunyai ijazah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau telah lulus Bahasa Malaysia di peringkat LCE atau SRP. Kelulusan dalam mata pelajaran ini perlu dibuktikan kepada Ketua Jabatan masing-masing sebagai memenuhi syarat-syarat perjawatan Kerajaan. Permohonan jenis ini mestilah telah diperolehi surat kebenaran khas daripada Pengarah Peperiksaan.

Oleh itu dakwaan yang dinyatakan iaitu Kementerian Pendidikan tidak memberi peluang kepada orang ramai untuk mengambil peperiksaan ini adalah tidak timbu. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengadakan lebih dari sekali setahun peperiksaan SPM bagi mata pelajaran tunggal Bahasa Malaysia. Sekiranya peperiksaan ini dijalankan pada bulan Disember atau sebarang bulan yang lain, ia akan menimbulkan banyak masalah seperti dari segi penentuan taraf keputusan, penetapan taraf dan mutu kertas soalan dan masalah logistik.

Mengenai permintaan Yang Berhormat menjadikan Sijil Pelajaran Malaysia sebagai sijil terbuka, pihak Kementerian Pendidikan memang bercadang untuk melaksanakan hal ini melalui sistem penilaian KBSM kelak. Pada masa ini, Kementerian Pendidikan sedang merancang dan mengkaji sistem penilaian KBSM dan perkara sijil terbuka ini akan diberi pertimbangan sewajarnya. Penjurusan masuk ke Tingkatan 6 adalah berdasarkan kepada pencapaian calon dalam mata-mata pelajaran sastera atau sains. Sistem ini dianggap paling saksama dan objektif kerana berdasarkan kepada keputusan SPM.

Pelajar-pelajar dari jurusan sastra dibenarkan masuk ke Tingkatan 6 dalam jurusan sastera sahaja, sebaliknya calon-calon dari jurusan sains dibahagikan kepada 3 kumpulan dalam pertimbangan untuk masuk ke Tingkatan 6 di sekolah-sekolah Kerajaan iaitu:

- (1) mereka yang layak masuk jurusan sains dan sastera;
- (2) mereka yang hanya layak memasuki jurusan sains; dan
- (3) mereka yang hanya layak memasuki jurusan sastera.

Dengan ini jelaslah bahawa Kementerian Pendidikan memang memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk memilih jurusan. Walau bagaimanapun, keadaan ini bergantunglah kepada pencapaian mereka dalam peperiksaan SPM dan kekosongan tempat dalam jurusan yang dipilih. Mengenai kebenaran kepada pelajar-pelajar Tingkatan 5 untuk memilih mata pelajaran dalam peperiksaan SPM dan Tingkatan 6 bagi peperiksaan STPM, Kementerian Pendidikan memang memberi kebenaran kepada pelajar-pelajar untuk memilih mata-mata pelajaran bagi kedua-dua peperiksaan ini.

Walaupun bagaimanapun, keadaan ini bergantunglah kepada:

- (1) keputusan peperiksaan yang terdahulu iaitu peperiksaan SRP bagi pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM dan keputusan peperiksaan SPM bagi pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan STPM;
- (2) kemampuan pelajar-pelajar yang berkenaan mengikuti mata-mata pelajaran yang dipilih; dan
- (3) kemudahan-kemudahan persekolahan yang disediakan oleh pihak sekolah.

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk mengadakan kelas-kelas khas atau membina sekolah khas bagi tujuan menampung kanak-kanak yang mempunyai bakat istimewa. Mengikut dasar Pendidikan Kebangsaan semua kanak-kanak dikehendaki mengikuti sistem persekolahan yang telah ditetapkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 13(3) Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 15(3) Majlis Mesyuarat  
ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat  
ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.**

